

# info

LATIHAN INOVATIF KOPERASI PROGRESIF



BIL 1/2016 • ISSN: 0127-1023



## **Khidmat Masyarakat MKM Bersama Komuniti Sungai Bayor, Selama, Perak**

**ASEAN CO-OPERATIVE  
CONFERENCE**

CO-OPERATIVE TRANSFORMATION AND  
LEADERSHIP CHALLENGES

**PELANCARAN  
SAMBUTAN ULANG  
TAHUN MKM KE-60**

# Ucapan Tahniah & Penghargaan



YBHG. DATO' SRI ALIAS BIN HAJI AHMAD  
*Mantan Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)*



YBHG. DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH  
*Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)*

Seluruh warga MKM ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh atas pelantikan YBhg. Dato' Sri sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang baharu berkuat kuasa mulai 15 Mac 2016.

Sekalung Penghargaan diucapkan kepada YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, mantan Ketua Setiausaha KPDNKK atas segala jasa dan khidmat bakti YBhg. Dato' Sri sepanjang menerajui kepimpinan kementerian dan juga agensi.



# DARI MEJA KETUA EDITOR

Salam sejahtera,

**A**lhamdulillah, INFO Bil. 1/2016 berjaya diterbitkan yang menghidangkan berita sekitar bulan September 2015 hingga Februari 2016. Tahun ini genaplah usia MKM 60 tahun dan menyambut Jubli Intan. Sebagai permulaan isu, dipaparkan berita sekitar pelancaran Sambutan Jubli Intan MKM yang turut disertai oleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM 2015. Sebagai permulaan sambutan Jubli Intan, MKM telah mengadakan khidmat masyarakat bersama komuniti Sg. Bayor, Selama, Perak. Sementara itu, "Seminar Pembinaan Generasi Belia Dalam Gerakan Koperasi Negara" telah berjaya mengumpulkan seramai 455 orang peserta dan dirasmikan oleh YB Menteri KPDNKK, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin. MKM menjadikan ia satu platform antara usahawan berjaya dan pakar ICT dengan generasi-Y berkomunikasi, berkongsi pengetahuan, idea serta maklumat dalam membentuk pemimpin dan modal insan koperasi yang kompeten di masa akan datang.

Tidak ketinggalan isu kali ini mengetengahkan Seminar "Membina Usahawan Online untuk Gerakan Koperasi Malaysia" yang mengupas trend semasa pengamal media sosial seperti Facebook dan Instagram yang menjadikan ia medium pemasaran online terkini dan mampu memberi pulangan yang menakjubkan.

INFO turut memaparkan penganjuran persidangan peringkat antarabangsa MKM dengan kerjasama Asean Co-operative Organisation (ACO), yang menyaksikan penyertaan peserta antarabangsa daripada 13 buah negara dan melibatkan panel 'speaker' dalam dan luar negara.

**Perkongsian ilmu tidak terbatas dalam anjuran Seminar atau Bicara Profesional sahaja, malah kelangsungannya diperlihatkan dalam anjuran Kolokium yang diadakan setiap tahun sebagai salah satu platform perkongsian idea dan pengalaman pegawai latihan MKM menghadiri program sangkutan dalam dan luar negara.**

Tidak hanya berfokus kepada program latihan dalam negara, MKM juga mengendalikan kursus bagi koperator dan pegawai-pegawai agensi yang menyelia koperasi dari luar negara melalui Program Kerjasama Teknikal (MTCP). Tahun 2015 merupakan tahun ke-31 MKM mengendalikan MTCP sejak ia mula diperkenalkan pada 1984.

Setiap tahun MKM menerima lawatan delegasi dari luar negara dan pada 2015, ia merekodkan sejarah tersendiri apabila menerima kunjungan hormat daripada seorang Menteri dari Mauritius ke MKM Kampus Induk.

Demi memartabatkan latihan dan pendidikan bagi gerakan koperasi di Malaysia, MKM lantas memberi peluang kepada pegawai-pegawainya menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman dari serata pelosok dunia. Kali ini INFO ingin membawa pembaca menyingkap trend pertanian urban di Jepun, selain mengenali konsep 'Performance DNA' dalam mempertingkatkan prestasi organisasi, di samping menyaksikan komuniti Kemboja semasa pegawai MKM menghadiri Seminar Kepimpinan Pengurusan.

Zon dan Cawangan tidak kurang hebatnya memaparkan program dan peristiwa yang dijalankan di Semenanjung merentasi Laut China Selatan ke Malaysia Timur.

Generasi-Y tidak dipinggirkan dan mereka berkongsi pengalaman dan pengetahuan melalui segmen Buletin Pelajar yang menunjukkan kesungguhan anak-anak muda ini mengikuti program dan aktiviti yang membentuk sahsiah diri dan kredibiliti seorang pemimpin.

Diharapkan paparan Info kali ini mampu memberi maklumat dan perkongsian yang bermanfaat kepada semua pembaca daripada pelbagai lapisan.

**MKM: Latihan Inovatif, Koperasi Progresif...**

Sekian.

*Hajah Julia Bee Bt Ramjan*

Ketua Editor

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman  
bin Abdul Razak Shaik  
Ketua Pengarah

### KETUA EDITOR

Pn. Hjh. Julia Bee binti Ramjan  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Pengurusan)

### EDITOR

En. Nasharuddin bin Mohd Ali  
Unit Komunikasi Korporat

Pn. R. Zarinatun binti Mohd Abdul  
Kader  
Pusat Dasar & Antarabangsa

En. Mohamad Suandi bin Mortadza  
Cawangan Sarawak

Pn. Arfizawati binti Abd Hadi  
Cawangan Sabah

Pn. Rohalinda binti Ahad  
Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

Pn. Sharifah Shuzaida binti Saedin  
Pusat Konsultasi & Penyelidikan

Pn. Nor Aslamiah binti Ali  
Pusat Teknologi Maklumat &  
Komunikasi

Pn. Yusnita binti Othman  
Zon Utara

Cik Norhazilina binti Abdul Halim  
Zon Timur

Pn. Nor Alyani binti Abdul Razak  
Pusat Perakaunan & Kewangan

Pn. Afizah binti Abdul Jalal  
Zon Selatan

Cik Siti Hajar binti Saaey  
Pusat Pendidikan Tinggi

Cik Nur Shuhada binti Ali  
Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

Pn. Afiza Binti Abdul Karim  
Bahagian Pentadbiran Akademik

Cik Zaharatul Laili binti Zakaria  
Pusat Konsultasi & Penyelidikan

Pn. Nuur Fadzillah binti Zulkepli  
Unit Komunikasi Korporat

### URUS SETIA

Pn. Sharepah Nur Azirah binti Shareh  
Abd Rahman

### PENCETAK

Ultimate Print Sdn. Bhd.  
Kumpulan Media Karangraf Sdn. Bhd.  
Lot 2, Jalan Sepana 15/3  
Off Persiaran Selangor  
Seksyen 15  
40200 Shah Alam  
Selangor

# KANDUNGAN

MAJALAH INFO • BIL 1/2016

## EKSKLUSIF

- 5** Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun MKM Ke-60 Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM Tahun 2015
- 7** Khidmat Masyarakat MKM Bersama Komuniti Sungai Bayor, Selama, Perak
- 8** Program 'FRIENDS OF KPDNKK' Mendekati Pengguna Dan Menangani Isu-Isu Kepenggunaan
- 9** Pembinaan Generasi Belia Dalam Gerakan Koperasi Negara

## FOKUS

- 12** Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi "Mikro Kredit: Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi"
- 14** Asean Co-operative Conference
- 16** Membina Usahawan Online Untuk Gerakan Koperasi Malaysia

## PERSPEKTIF

- 18** Rahsia Memikat Pelanggan
- 20** Kolokium 2015

## JARINGAN

- 22** Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)

## LAWATAN

- 24** Lawatan Kerja Menteri dan Delegasi Dari Ministry of Business, Enterprise and Co-operative of The Republic of Mauritius ke Maktab Koperasi Malaysia
- 26** Trend Pertanian Urban di Jepun
- 28** Seminar Kepimpinan Pengurusan 2015
- 30** Seminar Peningkatan Prestasi Organisasi Melalui DNA

## ZON & CAWANGAN

- 31** Kunjungan Lembaga Pengarah MKM ke KPKP
- 32** Pengauditan: Tanda Aras Kejayaan Koperasi
- 33** Seminar Cerdik Undang-undang Hartanah

- 35** Lawatan Bidang Keberhasilan ke Koperasi di Negeri Johor
- 36** Kualiti Memacu Perniagaan Koperasi
- 38** Tadbir Urus Koperasi: Rumit Menjadi Mudah
- 39** Hari Bersama Pelanggan MKM Sarawak di Sri Aman
- 40** Lawatan Bidang Keberhasilan ke Koperasi di Sarawak

## BULETIN PELAJAR

- 41** Self Development Group (SDG)
- 43** Transformasi Negara Mahasiswa
- 44** Mahasiswa Bersama Alam Sekitar
- 45** Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik

## GALERI

- 46** Majlis Konvokesyen ke-28 (MKM-UUM)
- 46** Larian Friends of KPDNKK
- 47** International Co-operative Global Conference and General Assembly
- 48** Khidmat Masyarakat MKM
- 49** Pelan Transformasi MKM





# Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun MKM Ke-60 Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM Tahun 2015

■ Nasharuddin Mohd Ali, Unit Komunikasi Korporat

**M**KM akan menyambut ulang tahunnya yang ke-60 pada 13 November 2016. Meniti usia 60 tahun, pelbagai pencapaian dan kemajuan telah dilakukan oleh MKM bagi memastikan institusi ini terus kekal relevan dalam gerakan koperasi. Pelbagai aktiviti menarik telah dirangka di sepanjang sambutan ulang tahun tersebut seperti Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah MKM, Majlis Kesyukuran, 'Treasure Hunt', Khidmat Masyarakat, Malam Inovasi, Ceramah Agama, Seminar, Bicara Profesional dan Majlis Makan Malam serta Pelancaran buku 'Coffee Table' Sambutan Jubli Intan MKM.

Pada bulan November 2015 telah diadakan pertandingan mencipta logo dan slogan ulang tahun MKM yang ke-60. Pertandingan ini terbuka kepada kakitangan MKM, agensi-agensi di bawah KPDNKK dan masyarakat umum yang berminat.

Untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul, MKM telah banyak merentasi perubahan dan menghadapi pelbagai cabaran sejak dari penubuhannya. Perubahan dan cabaran ini telah mengajar MKM dan warga kerjanya akan erti kesusahan untuk berjaya seperti sekarang. MKM telah berusaha keras sejak beberapa tahun yang lalu untuk menjadi sebuah institut latihan dan pendidikan koperasi yang dikenali serta dihormati.

Sejak itu, MKM telah berjaya membawa perubahan yang positif dalam pembangunan latihan dan pendidikan bagi gerakan koperasi dengan pelbagai inisiatif baharu. Manakala, pembangunan produk dan perkhidmatan turut menjadi agenda utama dalam transformasi MKM hingga ke hari ini. Kejayaan yang dikecapi oleh MKM ketika ini banyak dibantu oleh kesungguhan serta kecemerlangan warga kerjanya yang sentiasa berusaha gigih untuk memastikan matlamat dan hala tuju MKM tercapai.





Tanggal 2 Februari 2016, satu majlis pelancaran logo dan slogan sambutan ulang tahun MKM ke-60 telah diadakan di Auditorium Dato' A. Majid yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dalam majlis tersebut turut diadakan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM tahun 2015 yang juga dihadiri oleh YBhg Dato' Sri Alias Haji Ahmad bersama pegawai-pegawai kanan KPDNKK yang lain.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan simbol penghargaan organisasi kerajaan kepada penjawat



YB Menteri KPDNKK (tengah) bergambar kenangan bersama Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015



awam yang telah berjaya membuktikan kecemerlangan mereka dalam tugas dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan. Dalam senario perkhidmatan awam masa kini, budaya kecemerlangan merupakan teras kepada kelangsungan perkhidmatan awam di masa depan. Bagi memastikan peranan perkhidmatan awam terutamanya kredibiliti penjawat awam sentiasa relevan, semua orang perlu menjiwai budaya berprestasi tinggi dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segenap aspek.

Hari ini merupakan hari yang sangat bermakna kepada warga MKM yang terpilih kerana mereka adalah antara warga MKM yang telah melaksanakan tugas dengan baik dan cemerlang sepanjang tahun 2015. Sehubungan itu, pihak pengurusan MKM telah memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada 19 orang untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 dan 6 orang untuk Anugerah Ketua Pengarah Tahun 2015 atas sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka dalam melaksanakan tugas rasmi, di samping penglibatan aktif dalam kegiatan sukan dan sosial bagi tahun 2015.

YB Dato' Seri Hamzah Zainudin amat berbangga dengan keupayaan warga MKM yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang dan beliau berharap dapat dijadikan contoh serta dorongan kepada warga MKM yang lain. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM 2015 membuktikan bahawa modal insan berprestasi tinggi sentiasa diberikan penekanan di MKM, malahan dalam seluruh pentadbiran awam di negara ini. Pemberian pengiktirafan dalam bentuk anugerah kecemerlangan ini merupakan manifestasi keprihatinan pengurusan MKM dan juga kerajaan terhadap modal insan berkualiti serta budaya berprestasi tinggi.

YB Dato' Seri Hamzah Zainudin mengucapkan tahniah kepada Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 atas sumbangan dan pencapaian yang cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan





# Khidmat Masyarakat MKM Bersama Komuniti Sungai Bayor, Selama, Perak

■ Nuur-Fadzillah Zullkepli, Unit Komunikasi Korporat

Tanggal 16 Januari 2016 telah mencatat memori indah dan bermakna buat 300 orang terdiri daripada penduduk kampung, pelajar dan kakitangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang telah bersama-sama menjayakan Program Khidmat Masyarakat di Kg. Sungai Bayor, Perak yang dirasmikan oleh Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB. Dato' Seri Hamzah Bin Zainuddin.

Program selama 3 hari 2 malam ini merupakan salah satu usaha memperkenalkan dan mendekatkan MKM kepada masyarakat setempat. Program ini juga turut mendedahkan kepada interaksi dan integrasi bersama masyarakat setempat di samping memupuk semangat kekitaan dan mengeratkan silaturahim antara masyarakat sekaligus sebagai langkah mempromosikan MKM sebagai pusat latihan koperasi di Malaysia.

Antara objektif utama program ini diadakan adalah untuk memupuk penghayatan semangat budaya bantu-membantu sesama masyarakat dalam meningkatkan mutu persekitaran kehidupan insan. Selain daripada itu, program ini turut bertujuan mempromosikan MKM secara amnya dan program-program MKM khususnya kepada masyarakat setempat dan seterusnya membentuk nilai positif jati diri, peranan bekerjasama serta menampilkan sahsiah kepimpinan berakhlak mulia dalam kalangan pelajar MKM.



✦ YB Menteri KPDNKK turut turun padang bergotong-royong bersama-sama penduduk kampung

Pelbagai pengisian bagi memeriahkan program tersebut antaranya gotong-royong membersihkan kawasan sekitar seperti masjid, tanah perkuburan Islam dan kawasan sekitar kampung, aktiviti rewang, ceramah agama, sukan dan sebagainya.

Antara impak program khidmat masyarakat yang dianjurkan ini antaranya termasuklah memberi pendedahan kepada masyarakat setempat mengenai fungsi dan peranan MKM sebagai salah sebuah agensi di bawah KPDNKK. Selain itu, program seperti ini juga turut membina nilai dan sifat yang positif dalam diri pelajar yang akhirnya diharap dapat membentuk generasi pelajar yang prihatin dan berupaya berbakti kepada masyarakat dan negara pada masa akan datang.



Ketua Pengarah MKM bersama-sama pelajar MKM membersihkan kawasan masjid



YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik menyerahkan borang 'Friends of KPDNKK' kepada YB Dato' Seri Hamzah Zainudin di Sg. Bayor, Selama, Perak

# Program 'FRIENDS OF KPDNKK' Mendekati Pengguna Dan Menangani Isu-Isu Kepenggunaan

**Nasharuddin Mohd Ali, Unit Komunikasi Korporat**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah memperkenalkan program 'FRIENDS of KPDNKK' sebagai satu pengiktirafan kepada pengguna yang akan membantu Kementerian ini menangani isu-isu kepenggunaan.

**Menerusi program ini pengguna yang komited akan menjadi 'mata' dan 'telinga' kepada Kementerian dalam isu-isu kepenggunaan yang berlaku dalam kalangan pengguna di kawasan yang mereka duduki.**

Melalui 'FRIENDS of KPDNKK', pengguna dapat menyalurkan pelbagai maklumat mengenai isu-isu kepenggunaan di kawasan Parlimen mereka bahkan bertindak sebagai penasihat kepada Kementerian dengan memberi idea serta pandangan bagi tujuan penambahbaikan.

Pengguna mestilah terlebih dahulu menjadi ahli 'FRIENDS of KPDNKK' bagi mendapat pengiktirafan tersebut. Pendaftaran sebagai ahli ini penting dan secara tidak langsung memberi peluang kepada kementerian untuk lebih rapat dengan pengguna dan memahami isi hati serta masalah mereka. Pendaftaran ahli 'FRIENDS of KPDNKK'

boleh dilakukan secara on line yang terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia. Selain itu, 'FRIENDS of KPDNKK' akan menjadi medium penyebaran pelbagai maklumat KPDNKK kepada pengguna khususnya program-program yang berlaku di sekitar kawasan mereka.

Semasa penganjuran Program Hari Penggunaan Kebangsaan 2015 dan Kempen Cintai Buatan Malaysia di Dataran Merdeka pada 23-25 Oktober 2015, peranan 'FRIENDS of KPDNKK' menjadi agenda penting program tersebut dalam mendekati masyarakat umum yang hadir. Penganjuran larian 'FRIENDS of KPDNKK' telah mendapat sambutan yang mengalakkan dengan penyertaan dari pelbagai golongan masyarakat termasuk warga kerja KPDNKK. Turut terlibat dalam larian tersebut ialah Dato' Seri Hamzah Zainudin, Dato' Sri Alias Ahmad, Dato' Basaruddin Sadali dan ketua-ketua jabatan serta agensi-agensi lain.

Dalam perkembangan yang berkaitan Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan berkata, pihak kementerian kini membawa imej 'caring ministry' yang menjadikan golongan pengguna sebagai pihak berkepentingan dan mempunyai hak memberi pandangan secara positif mahupun kritikal demi kesejahteraan rakyat. Kaedah ini akan menjadikan pengguna lebih prihatin dan bertanggungjawab. Apabila pengguna dekat dengan KPDNKK, mereka akan lebih memahami dasar dan polisi Kementerian sekaligus mewujudkan suasana harmoni antara Kementerian dan pengguna.



**Jom Sertai FRIENDS OF KPDNKK**





# Pembinaan Generasi Belia Dalam Gerakan Koperasi Negara



▲ YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Pada 21-22 Oktober 2015, Pusat Pendidikan Tinggi MKM telah menganjurkan "Seminar Pembinaan Generasi Belia Dalam Gerakan Koperasi Negara". Sasaran peserta seminar ialah anggota koperasi yang berumur 21-40 tahun, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan golongan belia yang berminat. Seramai 455 peserta telah menghadiri seminar ini yang diadakan di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka. Seminar anjuran Pusat Pendidikan Tinggi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada golongan Gen-Y mengenai kepentingan berkoperasi, membimbing dan membentuk

■ Nazirah Baharudin, Pusat Pendidikan Tinggi

Gen-Y dalam aspek kepimpinan dalam gerakan koperasi dan membuka peluang kepada golongan muda untuk mengenal pasti peluang perniagaan serta melahirkan generasi yang berdaya saing dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Seminar ini telah dimulakan dengan tajuk pertama iaitu "Usahawan Internet" yang disampaikan oleh Raja Kamil, seorang usahawan internet. Pelbagai input yang bermanfaat telah disampaikan antaranya adalah konsep perniagaan, jenis-jenis perniagaan internet, perbezaan antara menjual produk sendiri dengan produk orang lain, tapak niaga yang sesuai digunakan seperti lelong.com, mudah.my dan sebagainya. Beliau juga berkongsi dengan para peserta cara untuk meningkatkan keuntungan. Antaranya ialah sentiasa menaikkan harga jualan, menurunkan kos dan menjual sesuatu produk tersebut berulang kali.

**Peserta juga diajar kaedah melakukan perniagaan internet tanpa mengeluarkan modal seperti menulis, membuat blog, menjual blog, menjual akaun instagram, menjual Fanpage, menjual ruang iklan dan sebagainya.**

Sesi kedua ceramah pula disampaikan oleh Dr. Mohd Azlan Yahya, Pengurus Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Malaysia yang dijemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk "Gen-Y Kepimpinan Koperasi di Masa Depan". Pelbagai input yang bermanfaat telah





▲ YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM menyampaikan cenderamata kepada YB Menteri KPDNKK

dikongsi, antaranya definisi koperasi, Dasar Koperasi Negara (DKN), objektif koperasi, konsep modal insan, keperluan modal insan, pembangunan modal insan negara dan sebagainya. Penceramah juga menerangkan kepentingan komuniti berdaya keusahawanan iaitu dapat mewujudkan rantaian nilai dalam kalangan anggota koperasi, menjana peluang pekerjaan, dapat menggunakan sumber secara optimum dan dapat mengelakkan ketirisan ekonomi.

Di samping itu, ia juga sebagai pemangkin kesejahteraan kerana setiap anggota terlibat dalam usaha mencipta nilai, meningkatkan tahap kesukarelaan dan matlamat sosial diutamakan.

Para peserta juga diterangkan berkenaan objektif koperasi siswa dan koperasi belia iaitu melaluinya dapat mewujudkan komuniti berdaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT dan belia, mewujudkan semangat kerjasama yang berkesan dalam pembangunan ekonomi sosial, menjadikan platform kepada pelajar dan belia untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan keusahawanan sosial dan menjadi pelengkap kepada gerakan koperasi di Malaysia. Sepanjang slot ini berlangsung, para peserta ditunjukkan model komuniti keusahawanan melalui koperasi siswa dan belia berserta dengan gambar yang boleh dijadikan contoh kepada Gen-Y.

Pengerusi Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA), En. Muhammad Ammir Haron telah menyampaikan ceramahnya dengan tajuk "Menangani Keperluan Gen-Y Menerusi Koperasi". Ceramah ini dimulakan dengan perkongsian video korporat Koperasi Profesional Putrajaya Berhad dengan sedikit penerangan ringkas daripada beliau. KOPROJAYA merupakan satu koperasi baharu dengan kerjasama profesional muda dalam perkhidmatan awam yang mendukung aspirasi YAB Perdana Menteri untuk meningkatkan keupayaan rantaian ekonomi negara melalui gerakan koperasi.

KOPROJAYA diterajui oleh YAB Perdana Menteri sebagai Penaung dan YBhg Ketua Setiausaha Negara sebagai Penasihat. Antara objektif penubuhan KOPROJAYA adalah untuk meningkatkan tahap profesionalisme penjawat awam yang menjadi anggota KOPROJAYA melalui penganjuran bengkel kemahiran dan sebagainya. Penceramah turut menerangkan definisi koperasi

secara umum sebagai penjelasan terhadap konsep berkoperasi.

Beliau turut mencadangkan beberapa cabang perniagaan yang boleh dilakukan oleh anggota koperasi bagi meningkatkan taraf ekonomi. Antaranya ialah pelaburan, pertanian, peruncitan, hartanah, pengurusan majlis dan sebagainya. Selain itu, En. Ammir mencadangkan agar golongan belia sentiasa mengadakan aktiviti berbentuk kemasyarakatan bagi mengeratkan lagi ukhuwah sesama anggota dan seterusnya dapat menarik anggota baru. Sebagai contoh dengan mengadakan program riadah, latihan dan kemahiran serta aktiviti lasak.

Seterusnya, beliau memberikan contoh koperasi yang berjaya di Malaysia seperti Koperasi Angkatan Tentera Malaysia, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad dan Bank Rakyat.

Beliau mengakhiri ceramah dengan resipi kejayaan iaitu ilmu berserta kemahiran atau kebolehan, kepimpinan, kerjasama dan sebagainya.

Seminar Pembinaan Generasi Belia Dalam Gerakan Koperasi ini diteruskan dengan perasmian yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Beliau mengingatkan para peserta tentang kepentingan berkoperasi kerana melaluinya dapat membantu anggota-anggota meningkatkan sosio ekonomi dan pendapatan.

Seterusnya, beliau menyarankan golongan belia menjadikan Koperasi Profesional Putrajaya Berhad



(KOPROJAYA) sebagai contoh kerana melalui penubuhan koperasi ini dapat mengumpul tenaga profesional golongan muda selain memberi banyak kemudahan kepada anggotanya, antaranya insurans takaful percuma, kos perubatan, kad keahlian serba guna dengan diskaun, lawatan sambil belajar dan tabung amal KOPROJAYA.

**Seterusnya beliau menerangkan berkenaan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga tahun 2014 yang menunjukkan terdapat sebanyak 182 buah koperasi belia, 73 koperasi IPTA dan 7 koperasi IPTS iaitu 262 buah koperasi belia daripada keseluruhan 11,871 koperasi. YB Menteri juga menyatakan Kementerian (KPDNKK) menyokong penuh penglibatan generasi Y dalam gerakan koperasi.**

Beliau juga menyatakan hasrat Kementerian untuk menubuhkan University Of Trade And Co-operative (UTRAC) iaitu kerjasama antara agensi di bawah KPDNKK yang akan menggabungkan sumber, kepakaran, pendidikan dan latihan setiap agensi di bawah satu universiti. Ia akan memfokuskan kepada bidang perdagangan, koperasi dan kegunaan daripada agensi di bawah KPDNKK iaitu Suruhanjaya Koperasi

Malaysia (SKM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) dan Badan Puncak Koperasi ANGKASA. Ia sebuah IPTS milik agensi-agensi di bawah KPDNKK yang tidak melibatkan peruntukan dana kewangan kerajaan pusat.

Slot terakhir iaitu slot keempat disampaikan oleh En. Suhail bin Mohamed Kamaruddin yang merupakan Tokoh Belia Negara 2015 dengan tajuk ceramah "Peranan Gen-Y Dalam Koperasi". Slot ini dimulakan dengan penerangan berkaitan Gen- Y. Seterusnya, penceramah menekankan tentang peranan belia dalam koperasi iaitu sentiasa mempelajari ilmu dan kemahiran baru, menyumbangkan idea baru, terlibat dalam pengurusan koperasi, menyelesaikan masalah dan cabaran, sentiasa mencari pengalaman baru, menggunakan teknologi secara optimum, membina lebih banyak mengkaji kehendak pasaran baru dan akan datang serta mengkaji pelaburan pelbagai dan terkini. Beliau menarik minat peserta dengan membawa contoh tokoh yang berjaya seperti Albert Eistein, Mahatma Gandhi dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, seminar "Pembinaan Generasi Belia Dalam Gerakan Koperasi" dilihat berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Semoga seminar seperti ini dapat diteruskan dalam membantu golongan muda dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan generasi Y yang bijak dan boleh melibatkan diri dalam bidang koperasi. Diharapkan agar segala ilmu yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan melahirkan modal insan yang kompeten serta mampu mewujudkan koperasi yang diterajui oleh Gen-Y yang menjadi contoh kepada koperasi sedia ada.

✓ *Seminar ini merupakan platform dalam melahirkan modal insan yang kompeten serta mampu mewujudkan koperasi yang diterajui oleh generasi - Y*



# Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi

## “Mikro Kredit: Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi”

Hamzah Mohd Nazir, Zon Utara



Intipati Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 adalah berkaitan “pembangunan aktiviti ekonomi koperasi” yang merupakan salah satu Key Result Area (KRA) bagi memeta tindakan dan arah tuju koperasi ke arah pencapaian Wawasan 2020. Bagi merealisasikan DKN 2011-2020, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menetapkan enam (6) bidang keberhasilan utama agar koperasi meraih perolehan bernilai RM50 bilion sekaligus memastikan sasaran KRA tercapai menjelang tahun 2020.

Perkhidmatan kewangan telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang keberhasilan untuk pembangunan aktiviti ekonomi koperasi. Sehingga kini sumbangan terbesar koperasi adalah dalam sektor perkhidmatan khususnya perkhidmatan kewangan dan merupakan tulang belakang kepada gerakan koperasi di Malaysia. Sehubungan dengan itu, koperasi digalakkan untuk menawarkan produk kewangan baharu seperti mikro

kredit dan Ar-Rahnu dalam mempelbagaikan produk yang sedia ada.

Melihat kepada keperluan untuk memberi pengetahuan kepada koperasi tentang peluang dan kepentingan mikro kredit, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Utara telah menganjurkan program Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi yang bertemakan “Mikro Kredit : Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi”. Program ini telah diadakan selama dua hari pada 27-28 Januari 2016, bertempat di Hotel Ixora, Seberang Perai, Pulau Pinang. Program ini telah dihadiri seramai 565 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurus Koperasi, Anggota dan pegawai dari agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Sebanyak 12 buah kertas kerja telah dikongsi bersama oleh para pembentang kertas kerja dari pelbagai latar belakang mengikut kepakaran masing-masing.



Pada hari pertama, empat buah kertas kerja telah dibentangkan dengan dimulakan oleh Pn. Nor Aznah Mohd Ramli, Pengurus Jabatan Kewangan Pembangunan dan Enterpris dari Bank Negara Malaysia, dengan tajuk kertas kerja "Senario Pembiayaan Mikro Kredit di Malaysia". Ini diikuti dengan pembentangan kedua bertajuk "Mikro Kredit : Penilaian Keberkesanan Latihan" yang disampaikan oleh Pn. Aishah Ariffin, Pengarah Kanan Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, MKM. Menyambung sesi pembentangan seterusnya merupakan pembentangan dari Pn. Hjh. Normah Ali, Pengarah Bahagian Pembiayaan Kredit, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kertas kerja beliau "Kawal Selia Atas Mikro Kredit Koperasi". Tidak ketinggalan juga Tn. Hj. Hassan Ahmad, Pengarah Kanan Sektor Kewangan dan Perbankan dari MKM yang turut berkongsi ilmu dengan para koperator melalui pembentangan kertas kerja bertajuk "Pengurusan Kewangan Mikro Kredit".

Pada sebelah malamnya pula diadakan Majlis Makan Malam dan Perasmian Konvensyen yang disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang diwakili oleh YBhg. Dato Basaruddin Bin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), KPDNKK. Majlis makan malam telah diceriakan lagi dengan persembahan boria oleh pelajar-pelajar SMK Batu Maung, Pulau Pinang.

Hari kedua program konvensyen diteruskan lagi dengan pembentangan enam buah kertas kerja yang dipecahkan mengikut bilik sidang. Bilik Sidang 1 membentangkan dua buah kertas kerja yang bertemakan "Mikro Kredit : Ruang dan Peluang Perniagaan Koperasi". Kertas kerja pertama adalah dari En. Khairul Anuar bin Hj Yahaya, Senior Executive Pembiayaan Mikro, ibu pejabat Bank Rakyat Malaysia dan pembentang kedua ialah En. Che Mahdi bin Idris, Ketua Pegawai Operasi, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Zon Utara. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh Cik Noraesyah binti Saari, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Konsultasi, MKM.

Bilik Sidang 2 pula memperdengarkan dua buah lagi kertas kerja yang bertemakan "Ar-Rahnu: Medium

Pembiayaan Bantu Diri" dan para pembentang yang telah berkongsi ilmu melalui pembentangan kertas kerja ialah Tn. Hj. Mohamad Azwani bin Asad, Pengurus Francais, Rakyat Management Services Sdn. Bhd. dan juga Tn. Hj. Mohamad Zamri bin Zakaria, Ketua Sektor Perhubungan Korporat, Pembangunan Sosioekonomi dan Pendidikan Ummah dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM). Sesi ini pula dipengerusikan oleh Datuk Hj Yusra bin Sabar, Pengerusi Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad.

Manakala Bilik Sidang 3 pula tempat berlangsungnya pembentangan dua lagi kertas kerja yang bertemakan "Mikro Kredit Bantu Anggota Koperasi" oleh En. Nasoruddin bin Shah Mat, Pengerusi Koperasi Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad dan Dato' Hj. Mat Rejab bin Kassim, Pengerusi Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Berhad. Sesi ini dipengerusikan oleh Pn. Azlifah binti Abas, Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat, MKM.

Program Konvensyen ini diteruskan lagi dengan sesi forum bertemakan "Isu dan Cabaran Mikro Kredit" dan dua orang ahli panel jemputan ialah Puan Fatimah Nurhaliza bt Mohd Hatta, Pengurus Besar Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA) dan Tn. Haji Mansor bin Abu Bakar, Ketua Perbankan Pelanggan dari Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad. Sesi forum ini telah dilengkapkan lagi dengan kehadiran pemudah cara Prof. Dr. Md Roslan Hashim, Pengerusi Koperasi Universiti Sains Malaysia (USM) Berhad.

Mengakhiri program konvensyen kali ini, perutusan resolusi konvensyen dibaca oleh wakil peserta iaitu Tn. Hj. Khozali Junus, Setiausaha Koperasi Pegawai Kerajaan Daerah Kulim Berhad dan telah diserahkan kepada Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM untuk dimurnikan sebagai hasil percambahan idea peserta konvensyen untuk memajukan koperasi dalam menjalankan mikro kredit agar dapat memperkasakan ekonomi anggota koperasi seperti yang termaktub dalam prinsip-prinsip koperasi.

**Syabas kepada Maktab Koperasi Malaysia.**



# Asean Co-operative Conference “Co-operative Transformation And Leadership Challenges”

Rahmathbee Zarinatun Mohd Abdul Kader  
Pusat Dasar & Antarabangsa



Barisan panel sesi forum  
Dari kiri: Mr. Kadafi Yahya (Vice President Director, KOSPIN Jasa, Indonesia), Mr. Balasubramanian G.Iyer (Regional Director, ICA Asia-Pacific), Dato' Hj. Kamarudin Hj. Ismail (Vice President of ANGKASA), dan Mr. Mikel Lezamiz (Mondragon Humanity at Work, Spain)

Pada 15 hingga 16 Oktober 2015 bertempat di Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur telah berlangsung Persidangan Antarabangsa yang bertajuk “Co-operative Transformation and Leadership Challenges” anjuran Maktab Koperasi Malaysia bersama ASEAN Co-operative Organisation (ACO). YB Dato’ Seri Hj. Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan Kedua menyempurnakan majlis perasmian persidangan antarabangsa yang julung kali diadakan ini.

Persidangan antarabangsa ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta dalam dan luar negara. Seramai 300 orang telah hadir ke persidangan ini. Peserta luar negara yang mengambil bahagian terdiri daripada 50 orang peserta Alumni MTCP (Program Kerjasama Teknikal Malaysia) MKM daripada 13 buah negara iaitu Bangladesh, Brunei, Pakistan, Kemboja, India, Indonesia, Mauritius, Zambia, Nepal, Filipina, Vietnam, Sri Lanka dan Thailand. Peserta dalam negara pula seramai 220 orang daripada koperasi, agensi swasta dan syarikat swasta.

Persidangan antarabangsa ini menjadi platform kepada peserta untuk berkomunikasi dan berbincang serta bertukar pandangan mengenai cabaran persekitaran dan keperluan dalam gerakan koperasi bagi menggalakkan tadbir urus koperasi yang cemerlang. Persidangan ini secara tidak langsung menyediakan ruang dan peluang

Sesi pembentangan kertas kerja oleh Dr. Michael Mehmet (Charles Sturt University School of Communication and Creative Industries, Australia)





untuk bekerjasama dan memperluaskan potensi rangkaian kerjasama dalam kalangan koperasi di negara-negara ASEAN dan menyediakan platform bagi mengekalkan kesinambungan melalui perkongsian ilmu dan mewujudkan hubungan strategik dalam kalangan koperasi ke arah pencapaian agenda ASEAN.

Antara tajuk pembentangan yang menarik dalam persidangan antarabangsa ini ialah **Storytelling and Selling in Social Media** (Dr. Michael Mehmet, Australia), **Wicked Problems, Co-operatives and Communication Challenges for the New Millennium** (Dr. Peter Simmons, Australia), **Worker Co-operative Experience: Mondragon Humanity at Work** (Mr. Mikel Lezamiz, Sepanyol) dan **Dare to Change: Empowering Co-operative Culture** (Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Yaakob, UMK). Para pembentang yang terlibat adalah dari dalam dan luar negara seperti Australia, Sepanyol dan India.



▲ Barisan tetamu jemputan bergambar kenangan bersama YB Senator Dato' Seri Paduka Ahmad Bashah Md. Hanipah



# MEMBINA USAHAWAN ONLINE

## Untuk Gerakan Koperasi Malaysia

Intan Nur Azreen Mohamad Radzi  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi

Dalam usaha menjadikan gerakan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan negara, Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011 - 2020 menyarankan supaya koperasi menjadi penjana pertumbuhan ekonomi dan entiti perniagaan yang kompetitif dan setanding dengan sektor lain.

Perniagaan dan pemasaran melalui Internet telah meledak dan menjadi gaya hidup masyarakat dunia masa kini. Dari tahun ke tahun jumlah pengguna Internet semakin meningkat. Mengikut statistik, pengguna Internet di Malaysia mencecah kepada 20 juta pengguna manakala pemilik Facebook mencecah sehingga 13.6 juta.

Sumber dari OpenMindsResource.com menyatakan hampir 30 peratus dari pengguna Internet di Malaysia lebih suka menghabiskan masa sekurang-kurangnya sejam hingga dua jam membeli belah di Internet.

Berdasarkan perangkaan ini, adalah wajar sekiranya

koperasi mengambil peluang dengan memperhebatkan perniagaan yang sedia ada dijalankan menggunakan kaedah jualan offline kepada perniagaan secara online pula. Kemudahan aplikasi secara percuma banyak membuka peluang lebih luas kepada koperasi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada anggota dan bukan anggota serta masyarakat luar pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan kos yang rendah, menjimatkan masa, mudah dan cepat.

Justeru itu, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah mengambil pendekatan menganjurkan satu seminar yang bertajuk **Membina Usahawan Online Untuk Gerakan Koperasi Malaysia** yang diadakan pada 14 Disember 2015 di Hotel Dorsett Grand, Subang.

Objektif seminar ini adalah untuk memberi kefahaman dan pendedahan kepada warga koperasi berkenaan faedah dan kelebihan menjalankan perniagaan dan pemasaran secara online. Ia juga memberi pendedahan





➤ *Majlis Perasmian Seminar oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM*

kepada peserta tentang teknik dan strategi aplikasi media sosial seperti Facebook dan Instagram sebagai medium pemasaran online yang berkesan selain berkongsi pengalaman dengan pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam arena ini yang telah menjana pendapatan lumayan dengan aplikasi tersebut.

Seramai 181 orang peserta wakil daripada koperasi hadir pada seminar ini. Ia dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik dan turut dihadiri pegawai-pegawai kanan serta warga kerja MKM.

Ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan yang berkaliber dalam bidang perniagaan dan pemasaran online, Pakar Google Malaysia, Pn. Shakirah binti Abdul Karim, Pengasas Octo House, En. Firdaus Putera dan Pengarah Eksekutif Majalah Niaga, En. Hasbul Aqill bin Hasan Zaki.

Di akhir Seminar, para peserta diberi peluang untuk



➤ *Antara koperator yang menjadi peserta seminar*

bersoal jawab dengan penceramah jemputan.

Semoga seminar ini memberi manfaat sepenuhnya kepada semua peserta yang hadir dan pendedahan serta kefahaman mengenai kaedah dan strategi menjalankan perniagaan dan pemasaran secara online, di samping memberi idea baru kepada para koperator menjana pendapatan lebih besar dan lumayan dalam meningkatkan taraf ekonomi sektor ini ke arah lebih cemerlang di masa depan.



▲ Majlis perasmian Bicara Profesional, Pengarah SPP, En Mohd Zaib b. Mat Yunus bersama Timb Pengarah SKM Negeri Terengganu Hj Mohd Azmy b. Deris dan Penceramah En Mohd Syaiful Izwan b. Mohamad Suwarno

## Rahsia Memikat Pelanggan

■ Norsyeirawani Bt Shari, Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Bertempat di TH Hotel Terengganu, Sektor Pemborongan dan Peruncitan telah mengadakan bicara profesional, bertajuk "Memikat Hati Pelanggan" pada 14 Januari 2016 yang disampaikan oleh En. Mohd Syaiful Izwan b. Mohamad Suwarno dengan kehadiran 173 orang peserta dari negeri Terengganu dan Kelantan. Pemilihan tajuk BP ini adalah seiring dengan hasrat SKM pada 2016 dalam memperkasa pasar mini koperasi yang sedia ada melalui peningkatan jualan harian pasar mini. Peningkatan jualan harian sesebuah pasar mini amat berkait rapat dengan teknik bagaimana sesebuah kedai mampu memikat hati pelanggan dengan menitikberatkan elemen memberi perkhidmatan pelanggan yang baik, keadaan kedai itu yang bersih dan tawaran harga barangan yang kompetatif.

**Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, merangkumi bagaimana pelanggan itu dilayan dari mula masuk kedai dengan sapaan, layanan daripada pekerja yang bertugas sehingga perkhidmatan selepas jualan iaitu bantuan yang diberikan oleh pemilik kedai seperti membantu mengangkat barang ke dalam kenderaan.**



▲ Taklimat promosi MKM oleh En Mohd Zaib b. Mat Yunus



Perkhidmatan ini kebiasaannya dilakukan oleh kedai-kedai runcit yang kecil bagi memikat hati pelanggan berkunjung semula ke kedai kita. Apabila pelanggan datang berkunjung semula, ia akan meningkatkan jualan harian kita. Dalam sesi tersebut, penceramah juga berkongsi mengapa sesebuah kedai perlu memahami pelanggan sebelum membuat pemilihan barangan dalam kedai.

**Susun atur barangan yang mudah dicari, kemas serta bersih juga merupakan elemen yang mampu menarik minat pelanggan berkunjung ke sesebuah pasar mini. Selain dua elemen utama yang dinyatakan, harga barangan yang kompetatif juga akan menarik pelanggan minat pelanggan berbelanja di pasar mini kita.**

Para peserta memberi respon yang baik terhadap kupasan isu yang dikongsikan oleh penceramah kerana pelbagai ilmu baharu yang dikongsikan berkaitan teknik memikat hati pelanggan berbelanja di pasar mini milik koperasi. Program ini juga menjadi platform bagi Sektor Pemborongan dan Peruncitan mewar-warkan kursus-kursus berkaitan peruncitan pada 2016 yang ditawarkan.



⤴ Sesi soal jawab bersama peserta



⤴ Peserta yang hadir

# KOLOKIUM 2015

■ Azmaliza Arifin, Pusat Konsultasi dan Penyelidikan



▲ Ucapan Aluan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM

Program Kolokium adalah program tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Konsultasi dan Penyelidikan (CCR), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sebagai salah satu platform perkongsian idea dan pengalaman pegawai latihan MKM hasil daripada program sangkutan (attachment) / latihan / lawatan di koperasi berjaya dalam atau luar negara. Ini merupakan kali yang ke-7 semenjak program ini diadakan.

Tujuan utama perkongsian ilmu ini adalah untuk mencetus idea baharu dan memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya memberi manfaat kepada gerakan koperasi di Malaysia.

Program ini telah dijalankan pada 5 hingga 6 November 2015 di Hotel Bayview Langkawi, Kedah. Seramai 104 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai MKM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Negeri Kedah, ANGKASA Negeri Kedah dan koperasi sekitar Langkawi dan Kedah.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Dr. Ku Abd. Rahman Ku Ismail, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah - Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam majlis penutup.

Sebanyak 15 kajian kes kisah kejayaan dalam dan luar negara telah dibentangkan terdiri daripada empat kisah kejayaan koperasi di Malaysia dan 11 kisah kejayaan koperasi di luar negara iaitu Nepal, India, Thailand, Indonesia, China, Jepun, Vietnam dan Korea. Seramai 27 orang Pegawai Latihan MKM yang terlibat telah membentangkan kisah kejayaan tersebut seperti di **Jadual 1**.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda peserta bahawa perkembangan koperasi luar negara ini amat penting bukan sahaja kepada gerakan koperasi di Malaysia malahan kepada pegawai-pegawai

latihan yang hadir untuk meningkatkan keupayaan dalam mengendalikan program latihan secara lebih berkesan dengan penggunaan contoh daripada aktiviti serta amalan terbaik koperasi berjaya dari seluruh dunia. Koleksi kisah kejayaan koperasi ini merupakan sebahagian daripada saluran perkongsian ilmu dari aspek kemajuan, amalan pengurusan serta pengalaman koperasi yang terpilih sehingga berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dalam setiap aktiviti yang diceburi.

Program ini amat bermanfaat dan memberi impak yang positif kepada peserta menerusi perkongsian ilmu dan pengalaman yang berguna dalam membantu gerakan koperasi untuk berdaya maju dan berdaya saing.



▲ Sesi pembentangan kajian kes oleh Pegawai Latihan MKM





YB Dato' Dr. Ku Abd. Rahman Ku Ismail menyampaikan Ucapan Penutup



Peserta program Kolokium 2015

**Jadual 1: Senarai nama pembentang dan tajuk kajian kes pada Program Kolokium 2015**

Bil.	NAMA PEMBENTANG	KAJIAN KES
<b>SESI 1 : SEKTOR PELANCONGAN</b>		
1.	En. Mohd. Zaib Mat Yunus Pn. Norafidah Ismail @ Yaacob	Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad
2.	Cik Norhazilina Abdul Halim Pn. Nor Arma Abu Talib	Perniagaan Perhotelan Koperasi di Indonesia
<b>SESI 2 : SEKTOR KESIHATAN</b>		
3.	Pn. Rafedah Juhan Pn. Rohalinda Ahad	Mencegah Lebih Baik Daripada Merawat : Koperasi Kesihatan & Kebajikan Sosial, Korea Selatan
4.	Pn. R. Zarinatun Mohd Abdul Kader	Koperasi Guru-guru Melayu Kedah Berhad (KGMKB) : Menujah Sektor Perkhidmatan Kesihatan
<b>SESI 3 : SEKTOR KEWANGAN</b>		
5.	Pn. Hj. Rahimah Abdul Samad Pn. Shamsiah Syamsudin	Koperasi Pekerja-pekerja Sabah Bhd.
6.	En. Mohd Shahron Anuar Said En. Christopher John Baptist	Royal Co-operative Limited, Kathmandu, Nepal
<b>SESI 4 : SEKTOR PERTANIAN DAN ASAS TANI</b>		
7.	Cik Norsyeirawani binti Shari	Pemeriksaan Wanita Luar Bandar : Kajian Kes Koperasi di Thailand & Jepun
8.	Pn. Rosidah Rashid Cik Norawati Ngatmin	Improving Capacity of Rural Women, Jepun
<b>SESI 5 : SEKTOR PERTANIAN DAN ASAS TANI</b>		
9.	Pn. Norhayati Abdul Rahman En. Frank Me-Ol Abdullah	Katraj Dairy Pune Co-operative (KDPC), India
10.	En. Mohamad Haswardi Morshidi En. Ju Samsuddin Safian	Capacity Building Programme in Thailand
<b>SESI 6 : SEKTOR PERTANIAN DAN ASAS TANI</b>		
11.	En. Mohd Nusi Abdul Rahman En. Yusri Tarip	Kampungku, Koperasiku (Koperasi Kampung Chi Tan Hong), Vietnam
12.	Pn. Afizah Abd. Jalal	Koperasi Mitra Malabar : Prinsip Fair Trade Meningkatkan Kesejahteraan Anggota, Indonesia
<b>SESI 7 : SEKTOR PERKHIDMATAN</b>		
13.	En. Jaibit Jaudin Pn. Salwana Ali	Transportation Co-operative No.15, Vietnam
<b>SESI 8 : SEKTOR PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN</b>		
14.	Pn. Hj. Rahimah Abdul Samad En. Mohd Pisah Ali	Koperasi Kampung Kabuan Sook Berhad Keningau, Sabah
15.	Pn. Farahaini Mohd Hanif Pn. Yusnita Othman	Koperasi Sugio, Nanjing, China

# PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MTCP)

Haslinda Sujak, Pusat Dasar dan Antarabangsa

Pada tahun 2015, MKM sekali lagi menganjurkan program Kerjasama Teknikal Malaysia atau lebih dikenali sebagai MTCP. Menerusi program ini, MKM yang memberi tumpuan dalam bidang koperasi telah menjalankan program ini semenjak tahun 1984 dan telah melatih seramai 961 peserta dari 83 buah negara daripada 7 program yang ditawarkan. Pada tahun ini, MKM telah menjalankan dua program MTCP iaitu 'Certificate in Co-operative Management' dan 'Certificate in Co-operative Poverty Reduction' pada 1-11 September 2015. Seramai 33 peserta antarabangsa telah menyertainya yang terdiri daripada wakil kerajaan dan koperasi dari 19 buah negara iaitu Thailand, Kemboja, Lao PDR, Filipina, Vietnam, Bhutan, Sri Lanka, Bangladesh, Nigeria, Zimbabwe, Turki, Maghribi, Mauritius, Azerbaijan, Zambia, Lesotho, Kiribati, Fiji dan Uganda.

Program ini membolehkan peserta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengurusan koperasi, berdasarkan prinsip dan undang-undang koperasi serta mendapatkan pengetahuan mengenai dasar pembasmian kemiskinan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.

Peserta juga berpeluang berkongsi pengalaman antara satu sama lain mengenai kaedah untuk memperbaiki taraf sosioekonomi anggota koperasi dan menjana idea bagi memperkasakan gerakan koperasi masing-masing.

Pelbagai pengisian diatur bagi program selama dua minggu ini mencakupi pelbagai bidang pentadbiran



dan pengurusan koperasi. Pengisian program adalah berbentuk kuliah dan lawatan kerja ke koperasi-koperasi terbaik di Malaysia di selatan dan utara tanah air. Peserta berinteraksi dengan pensyarah dan penceramah jemputan bagi mendalami tatacara penubuhan dan pentadbiran koperasi di Malaysia. Setiap topik yang diatur di dalam dua program ini bertujuan mendedahkan para peserta kepada polisi, perancangan, aktiviti, peranan dan manfaat koperasi sebagai salah satu agen penting yang membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat, sekaligus memberi impak kepada ekonomi di peringkat nasional.

Semasa lawatan kerja pula peserta dapat melihat dan berkongsi pengalaman mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi di Malaysia seperti perladangan dan asas tani, eko-pelancongan serta bank koperasi.

Program ini telah mendapat maklum balas yang memberangsangkan daripada peserta, malah mereka berasa gembira dan berpuas hati dari saat mereka tiba di Malaysia hingga ke hari akhir program berlangsung. Mereka menyatakan terima kasih kepada kerajaan Malaysia yang telah memberi peluang kepada mereka untuk menimba pengetahuan berkaitan gerakan koperasi di Malaysia dan berkongsi pengalaman dan idea serta memberi peluang untuk mereka meluaskan jaringan antarabangsa yang sedia ada.

Diharapkan program ini terus memberi impak yang positif kepada peserta yang menyertainya. MKM yang mahu mencapai kejayaan sebagai sebuah institusi latihan yang cemerlang berhasrat meneruskan program sebegini pada masa hadapan agar kelebihan gerakan koperasi Malaysia dapat dimanfaatkan oleh lebih banyak pihak lagi.





## Petikan ucapan peserta terbaik program MTCP 2015

### Certificate in Co-operative Management

"It is a life time memorable experience to be here. It provided an opportunity to know about the success story of co-operative movement in Malaysia and to share the experiences of the participant"

*MR MUHAMMAD SAFRAZ AHMAD  
Assistant Registrar, Department of  
Co-operatives Societies, PAKISTAN*

### Certificate in Co-operative Poverty Reduction

"I would like to thank Malaysia government, Co-operative College of Malaysia, our co-ordinators for this course they offered us and I hope it will bring a massive change to pour Ministry of Co-operative Movement in our different country. Thanks."

*MR DAVID MOKOMO  
Co-operatives Officer,  
Ministry of Small Business,  
Co-operatives & Marketing, LESOTHO*





# Lawatan Kerja Menteri Dan Delegasi Dari Ministry Of Business, Enterprise And Co-operative Of The Republic Of Mauritius Ke Maktab Koperasi Malaysia

■ Rahmathbee Zarinatun Mohd Abdul Kader  
Pusat Dasar & Antarabangsa



Pada 14 September 2015, YBhg. Tuan Soomilduth Bholah, Menteri di Ministry of Business Enterprise and Co-operative of the Republic of Mauritius mengadakan lawatan kerja ke Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama strategik dalam bidang latihan dan pendidikan koperasi serta aktiviti-aktiviti berasaskan ilmu pengetahuan seperti program latihan, penyelidikan, pertukaran maklumat dan kepakaran serta program sangkutan.

Jalinan kerjasama ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah kepada gerakan koperasi di Malaysia dan Mauritius dalam pelbagai aspek pendidikan dan latihan koperasi. Lawatan ke MKM adalah susulan daripada lawatan kerja Menteri tersebut bagi menyertai International Craft Festival 2015.

Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, YBhg. Prof Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik dan kumpulan Pengurusan Tertinggi MKM telah menerima kunjungan delegasi Menteri berkenaan. Turut hadir dalam pertemuan ini ialah wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) En. Arunan Kumaran dan Pn. Aziba Rashidi, En. Rozdeen Mohd Jaafar dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga turut hadir dalam pertemuan ini.

Sesi perbincangan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pengarah MKM. Beliau memaklumkan mengenai program-program jangka pendek serta program jangka panjang yang ditawarkan kepada gerakan koperasi. MKM turut menjemput delegasi ini menghadiri persidangan antarabangsa ASEAN Co-operative Conference di Putra World Trade Centre (PWTC) pada 15 hingga 16 Oktober 2015.





Selain program latihan, MKM juga mengendalikan program yang berasaskan pengetahuan seperti penulisan kajian kes dan penyelidikan. Hasil daripada aktiviti penulisan ini akan diterjemahkan dalam bentuk jurnal, monograf dan lain-lain penerbitan untuk kepentingan dan manfaat gerakan koperasi. Semua bahan ini boleh dilayari melalui laman web MKM.

Kesimpulannya lawatan Menteri dari **Ministry of Business Enterprise and Co-operative of the Republic of Mauritius** ini telah menampakkan kesungguhan dalam mengetahui dengan lebih dekat tentang perkembangan gerakan koperasi di Malaysia serta program latihan yang ditawarkan kepada anggota koperasi sama ada program jangka panjang atau jangka pendek.



Jalinan kerjasama ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah kepada gerakan koperasi di Malaysia...

Tuan Soomilduth Bholah berharap jalinan kerjasama akan dirancang antara MKM dengan institusi yang menjalankan pendidikan perkoperasian di Mauritius kelak.

Perbincangan lanjut akan diatur dan beliau juga melihat MKM sebagai tapak permulaan untuk bertukar-tukar pendapat dengan institusi pendidikan di Mauritius, dengan mengambil kira MKM sebagai institusi yang telah lama mendalami ilmu pengetahuan dalam pendidikan koperasi.



YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Tuan Soomilduth Bholah



▲ Penulis (berdiri, kiri) bersama Tn. Hj. Hassan Hj. Ahmad (duduk, kiri), Prof. Emeritus Dr. Masahiko Shirashi, Tokyo University of Agriculture (duduk, tiga kiri) bersama pemimpin-pemimpin koperasi dari Malaysia, India, Mongolia, dan Filipina

## Trend Pertanian Urban Di Jepun

(The 2nd ICA/Japan Training Course on Fostering Leaders to Reinforce Business Development of Agricultural Cooperative in 2015)

■ Azmaliza Arifin, Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

Pertanian rumah hijau merupakan antara teknik popular dan meluas digunakan di negara Jepun. Oleh disebabkan itu, ramai dalam kalangan profesor dan saintis pertanian di negara tersebut telah melakukan penyelidikan terhadap biji benih dan juga aspek teknikal.

Pada 20 Julai hingga 2 Ogos 2015, penulis bersama Tn. Hj. Hassan Hj. Ahmad, Pengarah Kanan Pusat Konsultasi dan Penyelidikan telah berpeluang mengikuti program latihan yang dianjurkan oleh The Institute of the Development of Agricultural Cooperation in Asian (IDACA) di Machida-shi, Tokyo, Jepun.

**Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada warga kerja akademik Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mengenai kemajuan dan inovasi aktiviti-aktiviti pertanian yang dilaksanakan oleh koperasi-koperasi pertanian di Jepun.**

Inovasi produk pertanian yang dapat dikongsi dalam program ini adalah perkembangan teknik pertanian rumah hijau di negara Jepun.

Menurut Prof. Emeritus Masahiko, selepas gempa bumi dan tsunami pada Mac 2011, pakar-pakar dalam pertanian sentiasa memikirkan dan mencari penyelesaian agar sektor ini berkembang bukan sekadar untuk meningkatkan pendapatan petani tetapi inovasi teknologi perlu dalam usaha menghasilkan produk pertanian lebih tahan dan berkualiti sekaligus mempertingkatkan taraf hidup petani supaya dianggap sebagai kerjaya profesional. Teknologi ini juga berperanan untuk menstabilkan pengeluaran sayuran segar di bawah iklim standard untuk memenuhi keperluan masyarakat urban hari ini.

Penggunaan teknologi khas menggunakan cahaya tiruan turut diperkenalkan di Jepun terutama dalam pengeluaran komersial sayur-sayuran berdaun. Koperasi Pertanian Enshu-chuo di wilayah Shizuoka yang ditubuhkan pada 1 Oktober 1992 turut tidak terkecuali dalam melaksanakan teknologi tersebut.

Teknologi ini mudah kerana boleh dibina di merata tempat bahkan di dalam bangunan sekalipun tanpa memerlukan tenaga solar atau tanah semula jadi serta bebas daripada iklim luar dan tidak bergantung pada kesuburan tanah. Teknologi ini seakan-akan peti sejuk yang direka sebagai tempat menanam sayur dengan ruangan seperti kotak yang disinari cahaya lampu.

Menurut Pengurus Koperasi, teknologi ini memainkan peranan penting dalam pengeluaran sayur-sayuran berdaun yang sihat dan selamat untuk pengguna tempatan.

Justeru, pakar-pakar pertanian telah menjalankan



penyelidikan untuk menanam tumbuhan tanpa menggunakan air yang banyak, sebaliknya hanya menggunakan cahaya.

**Cara ini dapat meminimumkan sumber dan kos serta mengurangkan pencemaran sekaligus mengubah cara hidup masyarakat Jepun untuk menanam tumbuhan untuk kegunaan sendiri.**

Hakikatnya, ini merupakan penanda aras dalam mengukur tingkat inovasi dalam trend pertanian urban berdasarkan idea kreatif masyarakat Jepun. Gerakan koperasi di Malaysia perlu mencontohi kreativiti dari negara Jepun; walaupun sering berhadapan dengan bencana alam, namun mereka terus mempertingkatkan lagi inovasi pertanian.

Pertanian bukan hanya untuk membekalkan makanan malah kemajuannya setaraf dengan sektor perindustrian lain serta mendatangkan manfaat termasuk aspek penjagaan kualiti alam sekitar.



▲ Lawatan peserta program ke kawasan pertanian rumah hijau yang diusahakan oleh Koperasi Pertanian Enshu-chuo di Wilayah Shizuoka



▲ Teknologi khas dengan cahaya tiruan yang diusahakan oleh Koperasi Pertanian Enshu-chuo



# SEMINAR KEPIMPINAN PENGURUSAN 2015 Di Phnom Penh, Kemboja

■ *Khairul Akmal Saim*  
*Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan*

Pada 16-18 Disember 2015, satu seminar kepimpinan anjuran Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM, Universiti Utara Malaysia yang bertajuk "Diversity And Leadership" diadakan di Phnom Penh, Kemboja bertempat di Hotel Le Grand Palais Boutique.

Seminar anjuran IPDM ini telah disertai seramai 25 orang dari pelbagai bidang termasuk institusi pengajian



▲ Mereka gembira setelah menerima pemberian daripada kami

## Tujuan seminar ini adalah:

- Membincangkan isu-isu dan cabaran dalam aspek perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia;
- Melahirkan pemimpin yang mempunyai kepelbagaian kemahiran untuk meningkatkan hasil organisasi serta mengelakkan pengabaian potensi, komunikasi palsu, konflik dan rasa tersinggung antara mereka;
- Membentuk modal insan yang berkualiti berpaksikan kepada prinsip moral, etika dan kecemerlangan diri yang sentiasa menjadi fokus utama dalam memastikan kejayaan dalam sesuatu agenda dalam perkhidmatan awam;
- Memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin semasa dan baru muncul untuk mengukuhkan pengetahuan dan amalan kepimpinan mereka melalui ceramah, perbincangan dan aktiviti yang dirancang; dan
- Memberi pengalaman kepada peserta serta memperluaskan jaringan antara peserta.





✓ Bersama kanak-kanak Kampung Melayu Champa, Phnom Penh



✓ Berada di hadapan Royal Palace Cambodia



✓ Salah satu aktiviti bersama kanak-kanak Melayu Champa



✓ Bersama penduduk Kampung Melayu Champa



✓ Berada di monumen Muzium Tual Sleng

tinggi awam dan badan-badan berkanun dari seluruh negara. Tiga orang wakil dari IPDM UUM iaitu Pengarah IPDM UUM, Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz, Timbalan Pengarah IPDM UUM, Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri dan Profesor UUM COLGIS yang juga merupakan fasilitator bagi seminar tersebut, Prof. Datuk Dr. Zainal Kling.

Di samping seminar, beberapa siri lawatan diadakan di sekitar bandar Phnom Penh seperti lawatan ke Istana Raja Kemboja, Muzium Tual Sleng, Killing Field serta lawatan ke perkampungan Melayu Champa di pinggir Sungai Mekong. Program seminar ini telah disertai oleh dua orang pegawai Maktab Koperasi Malaysia iaitu En Khairul Akmal bin Saim dan En Khairul Azmi bin Ismail.



## LAWATAN

# Seminar PENINGKATAN PRESTASI ORGANISASI melalui DNA



▲ Para peserta bergambar bersama Fasilitator

■ Mohd Noor Juan, Cawangan Sabah

Pada 9-14 Disember 2015, satu seminar peningkatan prestasi anjuran Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang telah dijalankan dengan tajuk "improving Organization Through Performance DNA di Copthorne Hotel Dubai, United Arab Emiriah (UAE).

Seminar anjuran PIPPA, USM Pulau Pinang ini telah disertai oleh seramai 12 orang dari pelbagai bidang termasuk institusi pengajian tinggi awam dan badan-badan berkanun

## Hasil pembelajaran yang diperoleh semasa sesi seminar ini ialah:

- Mengenal pasti matlamat organisasi
- Mengenal pasti proses peringkat organisasi yang mempengaruhi prestasi
- Menentukan hasil yang mencipta nilai organisasi
- Menyenaraikan perbezaan antara latihan berasaskan prestasi dan perkara-perkara yang berdasarkan latihan, mengenal pasti, temu bual dan mengumpul data daripada *key performer*
- Melakukan analisis kepada *key performer*



dan dua buah Kementerian dari Malaysia. Fasilitator yang mengendalikan seminar tersebut ialah En. Nashid Abdul Khaaliq iaitu seorang yang berpengalaman serta salah seorang pengamal dan pakar dalam bidang berkenaan. Beliau bertugas di sebuah syarikat minyak Arab Saudi iaitu (ARAMCO).

Di samping seminar, peserta dibawa mengikuti siri lawatan ke sekitar bandar Dubai dan ke kampung warisan Dubai. Program seminar ini telah disertai oleh dua orang pegawai MKM iaitu En. Mohd Noor bin Juan dan Pn. Afiza binti Abd. Karim.



▲ Dari kiri, En. Mohd Noor bin Juan dan Pn. Afiza binti Abd Karim wakil dari Maktab Koperasi Malaysia





▲ YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM (kiri) menyampaikan cenderahati kepada YH. Dato' Hj. Ahmad Salhi Hj. Abdul Latif, Pengerusi KPKP (kanan)

# Kunjungan Lembaga Pengarah MKM Ke KPKP Sempena Mesyuarat Lembaga Pengarah MKM Di Zon Timur

■ Mohamad Yusof, Zon Timur

Bersempena dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah MKM pada 7/12/2015 di MKM Zon Timur, barisan Lembaga Pengarah MKM telah membuat kunjungan ke pejabat Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur (KPKP) di Jalan Gambut 2, Kuantan, Pahang.

Kehadiran rombongan MKM yang turut disertai oleh Pengurusan Tertinggi MKM, disambut dengan penuh rasa ukhuwah oleh Pengerusi KPKP, YH. Dato' Hj. Ahmad Salhi bin Haji Abdul Latif, bersama barisan anggota lembaga dan pengurusan tertinggi KPKP.

Taklimat ringkas mengenai pembangunan, prospek dan potensi perniagaan KPKP menjadi skop utama dalam sesi penerangan yang telah disampaikan oleh Pengurus Besar KPKP, En. Abdul Rashid bin Abdul Rahman. Lawatan ini dilihat dapat merapatkan lagi hubungan antara koperasi dengan pihak MKM.

Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (KPKP) telah ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 1926 di Kuala Lipis Pahang dengan nama " The Pahang Government Servants Co-operative

Thrift and Loan Society Limited " dan beroperasi di Pejabat Penerangan Kuala Lipis. Diasaskan oleh sekumpulan kakitangan Kerajaan Negeri Pahang dan di antara orang kenamaan yang pernah menjadi anggota ialah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Husin, bekas Perdana Menteri Malaysia.

Pada tahun 1994, KPKP telah membeli sebuah bangunan kedai empat lot tiga tingkat di Jalan Gambut 2, Kuantan dengan nilai RM1.4 juta dan digunakan sebagai pejabat urusan KPKP sehinggalah ke hari ini.

Matlamat Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (KPKP) ini adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun, bermastautin dalam kawasan perjalanan Koperasi ini dan bekerja tetap dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Negeri dan Persekutuan.



▲ Pn. Hjh. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM (dua dari kanan) bersama sebahagian Anggota Lembaga Pengarah MKM dan Anggota Lembaga Pengarah KPKP



▲ YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah MKM



# Pengauditan: Tanda Aras Kejayaan Koperasi

Maryam Hamidah Mohd Ghazi, Zon Timur

Seminar “Pengauditan: Tanda Aras Kejayaan Koperasi” telah diadakan pada 9 Disember 2015 di Cashmere Ballroom, Hotel Zenith, Kuantan, Pahang. Seminar ini bermula pada jam 9.00 pagi dengan bacaan doa oleh Ustaz Benzin bin Dagok, Mudir Madrasah Tahfiz Al-Haj, Masjid Lama Permatang Badak dan dirasmikan oleh Pengarah MKM Zon Timur, Pn. Azlifah binti Abas.

Seminar sehari anjuran MKM Zon Timur ini telah dihadiri seramai 530 orang koperator yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi (JAD), kakitangan pengurusan koperasi, pegawai agensi dan jabatan yang menyelia koperasi serta anggota koperasi dari negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Sesi seminar bermula dengan pembentangan pertama oleh En. Mohd Rejab bin Yusoff, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Audit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kertas kerja bertajuk “Memperkasakan Nilai Audit Koperasi”.



Setelah itu, seminar diteruskan dengan sesi pembentangan kedua oleh Ketua Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), YH Dato’ Hj. Abdul Manan bin Abdul Rahman. Di sebelah petang pula, sesi bersambung dengan forum oleh tiga orang panel dari SKM, MKM dan ANGKASA yang membincangkan serta mengupas topik berkaitan pengauditan sebagai salah satu tanda aras kepada kejayaan koperasi.

Objektif seminar ini adalah untuk memperkasakan nilai audit koperasi, memberi pendedahan berkaitan peranan pengauditan dalam tadbir urus koperasi serta mengetahui impak pengauditan berkesan kepada integriti dan kejayaan koperasi.

Di samping itu, ia memberi ruang bagi koperasi membina rangkaian kerjasama dan perkongsian pengetahuan serta pengalaman berkaitan isu-isu semasa pengauditan dalam koperasi. Pada seminar kali ini juga, MKM Zon Timur telah memberi peluang kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk membuka gerai pameran bagi kemudahan peserta yang hadir untuk mengajukan pertanyaan berkaitan peranan dan fungsi setiap agensi berkaitan.



▲ Ahli Panel Forum; (dari kiri) En. Mohd Najib bin Mohd Nor (SKM), Pn. Azlifah Abas (Pengarah MKM Zon Timur) dan Dr. Mohd Azlan bin Yahya (ANGKASA) mengupas berkaitan pengauditan sebagai tanda aras kejayaan koperasi





# Seminar Cerdik Undang-Undang Hartanah

Adila Hashim, Zon Selatan

yang jelas berkaitan aspek perundangan hartanah agar pelaburan, aktiviti dan projek yang bakal dilaksanakan berjalan dengan lancar.

Sehubungan itu, pada 26 hingga 27 Ogos 2015, MKM Zon Selatan telah menganjurkan **Seminar Cerdik Undang-Undang Hartanah** bertempat di Hotel Grand Blue Wave Johor Bahru, Johor. Seminar ini dihadiri oleh seramai 150 koperator yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), anggota koperasi dan pihak pengurusan koperasi dari negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

▲ Majlis Penutup disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM

Dalam usaha menjadikan gerakan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan negara, Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 menyarankan supaya koperasi hendaklah menjadi penjana pertumbuhan ekonomi dan entiti perniagaan yang lebih kompetitif.

Salah satu tumpuan bidang keberhasilan dalam aktiviti ekonomi tersebut adalah pembangunan hartanah. Penglibatan koperasi dalam aktiviti berkaitan hartanah pastinya memerlukan komitmen modal yang besar di samping persediaan yang rapi dari segi perancangan dan pelan pelaksanaan bagi menghadapi risiko dan cabaran mendatang.

Tidak terkecuali, koperasi perlu mempunyai kefahaman

Objektif seminar dua hari ini adalah untuk memberi kefahaman berkaitan aspek teknikal perundangan dalam aktiviti dan transaksi berkaitan hartanah. Selain itu, seminar ini diharap dapat memberi pendedahan berkaitan isu-isu semasa tentang industri hartanah. Seminar ini juga menggandingkan seramai lima orang penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing dan tiga orang ahli panel forum bagi sesi terakhir.

» Antara peserta yang hadir... sesi soal jawab dengan speaker





▲ Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM mempengerusikan sesi forum

Kertas kerja pertama menerangkan tentang aspek teknikal perundangan hartanah yang dibentangkan oleh seorang peguam hartanah iaitu Pn. Fara Delawati binti Mohd Hashim. Manakala kertas kerja kedua pula merupakan perkongsian pengalaman sebagai seorang yang pakar dalam memberi khidmat nasihat konsultasi berkenaan bidang hartanah yang disampaikan oleh En. Serajdeen bin Abdul Jabar, seorang konsultan hartanah (swasta).

**Pada hari pertama seminar di sebelah malamnya, pengisian bagi kertas kerja ketiga adalah berkenaan aspirasi dan peluang hartanah di negeri Johor serta perkongsian maklumat berkenaan pembangunan Coop-City. Penceramah yang mengendalikan sesi ini ialah En. Khaidzir bin A.Rasip dari Iskandar Regional Development Authority (IRDA) bersama En. Sazali bin Abd. Hamid, Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Johor.**

Pada hari kedua seminar, kertas kerja keempat adalah mengenai perkongsian pengalaman dari Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad berkenaan penglibatan koperasi dalam pembangunan hartanah dan sesi ini dibentangkan oleh Tn. Hj. Mazlun bin Mustafa, Pengurus Besar koperasi tersebut.

Di akhir seminar, satu sesi forum telah diadakan dan tiga ahli panel telah dijemput untuk berkongsi pengalaman masing-masing terhadap tajuk seminar iaitu **“Cerdik Undang-Undang Hartanah”** serta isu dan cabaran penglibatan koperasi dalam bidang hartanah. Ahli panel forum ialah Tn. Hj. Zazali bin Haron, dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Prof. Madya Datuk Hj. Mohamad Ali bin Hasan dari ANGKASA Bina Sdn. Bhd. dan Tn. Hj. Kamarudin bin Hj Bujang dari Koperasi Kariah Masjid Taman Perling Berhad. Forum seminar kali ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM, Pn. Hjh. Norwatim binti Hj. Abd. Latiff. Dalam sesi forum ini juga, antara soalan yang hangat dibincangkan adalah berkenaan peluang-peluang koperasi dalam bidang hartanah.

Seminar ini tamat pada jam 1.30 tengah hari dan majlis penutup secara ringkas telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik.



# Lawatan Bidang Keberhasilan Ke Koperasi Di Negeri Johor

Julizah Sabstu, Zon Selatan



▲ Peserta lawatan bidang keberhasilan di Johor

Pada 28 dan 29 Oktober 2015, Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan telah menjadi urus setia dan mengatitkan lawatan bidang keberhasilan selama dua hari ke tiga buah koperasi terpilih di Johor iaitu Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPRIS), Koperasi Pelaburan Pekerja-pekerja KEJORA Kota Tinggi Berhad dan Koperasi Kg. Sungai Latoh Kongkong Masai Berhad di samping taklimat Coop City bersama ANGKASA Negeri Johor. Lawatan bidang keberhasilan yang diadakan ini bersempena dengan Mesyuarat Akademik Bil. 04/2015.

Lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai akademik MKM berkaitan jenis-jenis perniagaan yang diuruskan oleh koperasi khususnya yang terlibat dalam bidang pertanian dan asas tani, pelancongan dan pembangunan hartanah. Program ini telah disertai seramai 23 orang pegawai yang terdiri daripada Puan Hj. Norwatim binti Hj. Abd Latiff (Timbalan Ketua Pengarah Akademik, MKM) selaku ketua rombongan, 14 orang Pengarah Pusat/Cawangan/Zon, 6 orang pensyarah MKM Zon Selatan serta dua orang urus setia daripada Bahagian Pentadbiran Akademik.

Lawatan pertama ke KOPRIS bertujuan untuk melihat situasi sebenar aktiviti perniagaan perladangan dan asas tani serta pendedahan berkenaan pelaksanaan bidang keberhasilan yang telah dijalankan oleh koperasi. Antara perniagaan perladangan dan asas tani yang diceburi oleh koperasi ialah ayam pedaging, madu kelulut, lembu daging, lembu susu dan juga penanaman kelapa sawit di Pengkalan Batu. Taklimat berkaitan aktiviti koperasi disampaikan oleh Pengerusi KOPRIS iaitu Tn. Hj. Mohd Yusof bin Hassan.

Koperasi kedua yang terpilih untuk dilawati adalah

Koperasi Pelaburan Pekerja-pekerja KEJORA Kota Tinggi Berhad. Aktiviti perniagaan yang diusahakan oleh koperasi ini adalah bidang pertanian, perumahan dan pelancongan. Permulaan taklimat telah disampaikan oleh Pengerusi koperasi iaitu Tn. Hj. Samsudin bin Hj. Hassan. Operasi perniagaan koperasi adalah stesen minyak, perladangan, perumahan, hotel bajet, taska, institut memandu dan ternakan ayam.

Lawatan diteruskan ke Koperasi Kg. Sungai Latoh Kongkong Masai Berhad. Walaupun koperasi ini masih baru iaitu belum mencukupi setahun penubuhannya tetapi koperasi ini telah dipenuhi dengan aktiviti 'eco-tourism' yang merangkumi aktiviti laut dan darat. Antaranya adalah cruise tour, rumah rakit, menangkap ketam, rumah arang, menjala udang, mini golf, cari lokan, madu kelulut dan aktiviti membuat cinau.

Koperasi keempat yang dilawati adalah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA). Tujuannya untuk mendapatkan pendedahan dan maklumat berkenaan pembangunan Coop City yang sedang dijalankan di Bandar Penawar Kota Tinggi Johor. Projek ini bakal mencipta sejarah sebagai bandar koperasi pertama di Asia serta pembinaannya menggunakan konsep yang sama seperti bandar koperasi pertama dan terbesar di dunia iaitu di Bronx, New York, Amerika Syarikat. Bandar ini mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri iaitu daripada aspek kedudukan, fungsi dan potensi yang besar disebabkan ia terletak berhampiran dengan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid) di Pengerang yang berupaya membantu memenuhi keperluan hidup tenaga kerja.

Kesimpulannya, program lawatan kerja ini dapat memberi pendedahan secara langsung kepada Pegawai Kanan Akademik berkenaan pelaksanaan bidang keberhasilan yang telah dijalankan oleh koperasi. Lawatan kerja ini juga dapat memberi idea untuk merancang dan membangunkan kursus-kursus bidang keberhasilan dengan lebih baik lagi selain menjalinkan jaringan hubungan dan melihat peluang kerjasama yang boleh dijalankan antara koperasi dengan MKM.



Lawatan ke ladang KOPRIS



# Kualiti Memacu Perniagaan Koperasi

■ Mohamad Suandi Mortadza  
Cawangan Sarawak

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan Seminar Kualiti Memacu Perniagaan Koperasi pada 21-22 September 2015 di Hotel Riverside Majestic Kuching.

Objektif seminar ini adalah untuk mendedahkan ciri-ciri dan kepentingan kualiti dalam gerakan koperasi. Selain itu, seminar ini juga diharapkan dapat merungkaikan kaedah bagi menambah nilai kualiti produk dan perkhidmatan koperasi. Perkongsian pengalaman koperasi yang mengamal dan menerapkan kualiti dalam koperasi turut sama dikongsi bersama peserta.

Majlis Perasmian Seminar ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Hj. Adenan bin Hj. Satem Ketua Menteri Sarawak. Teks Ucapan beliau telah dibacakan oleh YB Datuk Hj. Mohd Naroden bin Hj. Majais, Menteri Muda di Pejabat Ketua



⤴ Antara pembentang kertas kerja

Menteri (Pembangunan Usahawan) dan Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak.

YAB Datuk Patinggi menyeru agar gerakan koperasi di Sarawak memastikan kualiti tidak dipinggirkan sama ada dalam pengurusan mahupun penyediaan produk dan perkhidmatan koperasi masing-masing. Menurut beliau lagi, gerakan koperasi kini berada dalam era globalisasi dan liberalisasi pasaran yang semakin mencabar. Gerakan koperasi di Sarawak perlu menjadi lebih kreatif, berinovasi, menceburi perniagaan berskala besar serta sentiasa memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu yang dapat memenuhi kehendak pelanggan yang kian berubah.

Terdapat lima kertas kerja yang telah dibentangkan dalam seminar ini. Kertas Kerja 1 bertajuk **Aspek Kualiti Dalam Pengurusan Perniagaan Koperasi** telah disampaikan



berkongsi pengalaman mengenai **Penerapan Dalam Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi**. Seramai 270 orang koperator dari seluruh negeri Sarawak telah menghadiri seminar ini.

Antara pengisian Majlis Perasmian Seminar ini juga turut diadakan penyampaian sijil penyertaan program jangka panjang MKM Cawangan Sarawak iaitu program Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Sesi 2014/2015 kepada 15 orang graduan. En. Ridzauden bin Chek telah dipilih menerima Anugerah Pelajar Cemerlang pada kali ini.

Selain itu, penghargaan Jasamu Dikenang turut disampaikan kepada En. Ngadi bin Robin (Mantan Pengarah MKM Sarawak), En. Christopher John Baptist dan En. Hamizah Mohd Nazir (kakitangan MKM Sarawak yang berpindah ke MKM Sabah dan MKM Zon Utara). Anugerah Setiausaha Kursus Cemerlang MKM 2015 telah diterima oleh Cik Rahmatbi binti Suhaidi dan Anugerah Staf Cemerlang MKM 2015 pula telah diterima oleh Pn. Yuslinah binti Pungut. Sesuai dengan tema Majlis Makan Malam sempena Perasmian Seminar ini iaitu Etnik Sarawak, kumpulan Tarian Bitara Seri Openg telah dijemput untuk memeriahkan majlis ini. Di samping itu, persembahan Sape turut ditampilkan oleh salah seorang Graduan SPK MKM, En. Glady Jimbau.



YB Datuk Hj. Mohd Naroden Majais menyampaikan Anugerah Setiausaha Kursus Cemerlang kepada Cik Rahmatbi Suhaidi semasa majlis perasmian

oleh Dr. Hajah Hayati Md Salleh (Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Batu Pahat Bhd). Kertas Kerja 2 bertajuk **Panduan Standard Kualiti Dalam Pengurusan dan Perniagaan** telah disampaikan oleh En. Khalid Libar (Sirim Berhad). Manakala Kertas Kerja 3 pula telah dikongsikan oleh En. Ali Hanafiah Daud (Usahawan Online) yang bertajuk **Peranan ICT Dalam Meningkatkan Kualiti Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi**. Kertas Kerja 4 pula telah dibentangkan oleh Dr. Jati Kasuma Ali (Pensyarah UITM Sarawak) yang telah berkongsi hasil kajian **Perhubungan Kualiti Perkhidmatan dan Kepuasan Terhadap Kesetiaan Anggota Koperasi**. Kajian ini juga adalah hasil penyelidikan MKM Cawangan Sarawak. Manakala Kertas Kerja 5 pula telah disampaikan oleh Pn. Suraya Mohammad Ali (Koperasi Pusaka Bhd) yang telah



Persembahan Sape oleh En. Glady Jimbau



YB Datuk Hj Mohd Naroden Majais bersama tetamu jemputan dan penerima anugerah



# TADBIR URUS KOPERASI : RUMIT MENJADI MUDAH

■ Mohamad Suandi Mortadza, Cawangan Sarawak



Program Bicara Profesional “Tadbir Urus Koperasi: Rumit Menjadi Mudah” telah dilaksanakan pada 23 Oktober 2015 di Hotel Seri Simanggang Sri Aman. Program ini telah dihadiri seramai 135 orang peserta yang terdiri daripada koperator dari Bahagian Sri Aman dan Bahagian Betong.

Tujuan utama program ini adalah untuk menjelaskan tentang kepentingan tadbir urus cemerlang, mendedahkan isu-isu berkaitan tadbir urus dalam koperasi serta tadbir urus koperasi yang efektif dan berkesan.

Sebanyak tiga kertas pembentangan telah dikongsi



▲ YB Datuk Hj. Mohd Naroden Majais menerima cenderahati daripada Pengarah MKM Sarawak Pn. Siti Maimunah Jerni



bersama dalam program ini iaitu **Tadbir Urus Koperasi: Rumit Menjadi Mudah** yang telah disampaikan oleh En. Norazlan Anuar (Suruhanjaya Koperasi Malaysia), **Perkongsian Pengalaman Tadbir Urus Koperasi** yang telah disampaikan oleh Tn. Hj. Jaya Suria Muss (Koperasi

KOPERKASA Bhd) dan **Perkongsian Pengalaman Tadbir Urus Koperasi** (Koperasi SMK Bintulu Bhd.) yang telah disampaikan oleh Cikgu Wong Kiing Huat.

Koperasi KOPERKASA Bhd dan Koperasi SMK Bintulu Bhd. telah menerima Anugerah Koperasi Cemerlang (Perkhidmatan Kewangan) dan Anugerah Koperasi Cemerlang (Sekolah) ketika Hari Koperasi Negara 2015.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Mohd Naroden Majais, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan) dan Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak. Antara lain dalam ucapan yang telah disampaikan oleh beliau adalah menyeru pengurusan koperasi yang hadir meningkatkan tadbir urus koperasi masing-masing dengan lebih cemerlang. Program ini turut dihadiri oleh Tn. Hj. Osman Ismail, Pengarah SKM Sarawak.





## HARI BERSAMA PELANGGAN MKM SARAWAK DI SRI AMAN

■ Mohamad Suandi Mortadza, Cawangan Sarawak

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan program Hari Bersama Pelanggan di pekarangan Bank Rakyat Cawangan Sri Aman pada 22 Oktober 2015. Objektif utama mengadakan program ini adalah untuk mendekatkan koperator dan masyarakat setempat dengan MKM Cawangan Sarawak serta mempromosikan program latihan dan pendidikan yang dianjurkan oleh cawangan ini.

Golongan sasaran utama program ini adalah semua masyarakat di sekitar Sri Aman dan Betong terutamanya



⚡ Pengarah MKM Sarawak Pn. Siti Maimunah Jerni turut sama memberikan penerangan kepada peserta yang hadir



⚡ Kaunter Hari Bersama Pelanggan MKM Cawangan Sarawak di pekarangan Bank Rakyat Cawangan Sri Aman

anggota koperasi, Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi (JAD) dan kakitangan koperasi. Program ini juga terbuka kepada jabatan atau agensi kerajaan yang terlibat dalam penyeliaan koperasi. Antara lain aktiviti dan program yang dijalankan adalah kuiz dan pelanggan bertuah. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat setempat. Dengan cara ini, masyarakat akan dapat melihat dengan lebih dekat perkhidmatan yang ditawarkan oleh MKM Cawangan Sarawak.



# Lawatan Bidang Keberhasilan Ke Koperasi Di Sarawak

■ Mohamad Suandi Mortadza, Cawangan Sarawak



▲ En. Joseph Linggong (Pengerusi Koperasi Bunan Serian Bhd) sedang menyampaikan taklimat kepada rombongan lawatan

Lawatan Bidang Keberhasilan ke koperasi terpilih di negeri Sarawak telah diadakan pada 9-13 Disember 2015 sempena Mesyuarat Akademik Bil.5/2015 Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di Kuching, Sarawak. Lawatan ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM, Pn. Hj. Norwatim binti Hj. Abd Latiff, yang turut disertai oleh Pengarah Kanan, Pengarah Pusat, Pengarah Cawangan, Pengarah Zon MKM dari seluruh Malaysia dan kakitangan Akademik MKM Cawangan Sarawak. Tujuan utama lawatan ini diadakan sebagai persediaan MKM yang akan menganjurkan kursus bidang keberhasilan utama koperasi pada tahun 2016. Enam buah koperasi yang telah dilawati sepanjang program ini iaitu ke Koperasi Warisan Pelancongan Bako Kuching Bhd, Koperasi Mongkos Serian Bhd, Koperasi Bunan Serian Bhd,

Koperasi Tebakang Melayu Serian Bhd, Koperasi Koppes Sarawak Bhd dan Koperasi Fairy Cave Heritage Kuching Bhd. Antara aktiviti utama koperasi yang dikunjungi adalah pelancongan, pemborongan, peruncitan, homestay, kredit, taska serta tadika, hemodialisis dan perumahan.

Sekitar lawatan ini, ahli rombongan MKM telah didedahkan dengan perkembangan dan kemajuan koperasi yang dilawati sehingga kini. Pada masa yang sama, rombongan turut memberi maklum balas dan pandangan membina terhadap koperasi yang dikunjungi. Antara aktiviti menarik yang disertai oleh rombongan adalah menaiki bot meninjau Kampung Bako, melawat projek perumahan Koppes di Demak dan memasuki Fairy Cave di daerah Bau.

Pada malam terakhir program ini turut diadakan Majlis Makan Malam Berambéh MKM Cawangan Sarawak, sebagai penghargaan kepada Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM Pn. Hj. Norwatim Hj. Abd Latiff yang bersara wajib pada Januari 2016, setelah 33 tahun berkhidmat di MKM.



▲ Tarian kebudayaan oleh penduduk Kampung Mongkos sambil turut disertai oleh salah seorang Pengarah MKM

▼ Rombongan lawatan merakam kenangan sebelum menaiki bot di Kampung Bako



KPDNKK  
MKM  
LAWATAN BIDANG KEBERHASILAN KE KOPERASI TERPILIH DI NEGERI SARAWAK BUMI KENYALANG BERSEMPENA MESYUARAT AKADEMIK BIL. 5/2015 MAKTAB KOPERASI MALAYSIA  
9-13 DISEMBER 2015



# Self Development Group (SDG)

■ Nor Fadhilah Mohd, Pusat Pendidikan Tinggi



▲ Penceramah dari SIDC, En. Izwan sedang memberi penerangan mengenai pengurusan kewangan

Program Self Development Group (SDG) merupakan program anjuran Pusat Pendidikan Tinggi kepada semua pelajar Diploma Pengurusan Koperasi dan dijalankan pada setiap hari Rabu. Modul yang disediakan untuk program ini sama ada sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah, jemputan penceramah luar atau melakukan aktiviti di luar kampus. Pelbagai aktiviti telah dirancang bagi melahirkan para pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni serta menjadi modal insan yang berkualiti dari segi sahsiah mahupun akademik.

Selain itu, program ini dirasakan amat praktikal dan signifikan disebabkan setiap pelajar mempunyai potensi tersendiri yang perlu digilap agar dapat digunakan dalam kehidupan seharian mereka dan di alam kerjaya kelak.

Antara objektif program ini adalah membantu pelajar dalam membangunkan tahap sendiri mereka dari segi pemikiran, emosi, spiritual dan tingkah laku. Melalui program ini juga dapat mengasah sifat kepimpinan agar mampu melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab secara jujur, ikhlas dan amanah. Pelbagai aktiviti telah dijalankan pada semester lepas antaranya bertemakan keyakinan diri, kerohanian, kewangan dan sebagainya.

Pada 12 Ogos 2015 telah diadakan ceramah agama yang bertajuk 'Solat Tiang Agama' yang telah disampaikan oleh Ustaz Azizi bin Saim Al Hafiz. Program ini memberi pendedahan tentang kaedah solat yang betul kepada para pelajar.

Beliau menyampaikan ceramah dalam keadaan bersahaja tetapi mampu menarik perhatian para pelajar untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan hal solat. Ceramah ini disampaikan selama dua jam bertempat di Auditorium Flamingo, Pusat Pendidikan Tinggi. Pada 26 Ogos 2015 pula telah diadakan program yang bertajuk 'Move On' yang telah disampaikan oleh En. Aimaan Banna. Ia juga berkonsepkan kerohanian dan penceramah banyak berkongsi tentang kehidupannya yang baru berusia 18 tahun tetapi telah menempa pelbagai kejayaan



▲ Para pelajar sedang melakukan aktiviti berkumpul berkonsepkan 'fokus'



▲ Penceramah jemputan, Ustaz Azizi sedang memberi penerangan mengenai solat kepada para pelajar

dalam hidup. Penyampaian beliau yang santai ketika memberi ceramah dan diselangi dengan nyanyian telah menarik perhatian pelajar.

Program bertemakan keyakinan diri pula disampaikan oleh En. Azizul Amar Rahmat dari Global Scope Training Sdn. Bhd pada 2 September 2015 bertempat di bilik kuliah Cenderawasih 1. Program ini didefinisikan sebagai konsep B.E.R.J.A.Y.A iaitu penceramah memberi beberapa tugas kepada para pelajar dalam bentuk kumpulan dan harus diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Para pelajar perlu menunjukkan kecekapan, kesungguhan dan kerjasama dalam menyiapkan tugas yang diberi. Di akhir aktiviti para pelajar akan mengetahui tentang falsafah setiap aktiviti yang dilaksanakan. P e n c e r a m a h menggunakan kreativiti dalam menyampaikan ceramah dan ia dilihat amat berkesan kepada para pelajar dan mereka tidak bosan dengan melakukan pelbagai aktiviti.

Pada 9 September 2015 pula telah diadakan program bertemakan pengurusan kewangan yang telah disampaikan oleh En. Izwan dari Securities Industry Development Corporation (SIDC). Penceramah banyak berkongsi tentang keadaan kewangan sebenar bagi graduan yang baru mendapat pekerjaan. Melalui perkongsian realiti yang telah disampaikan oleh beliau, telah membuka minda para pelajar tentang kepentingan menguruskan kewangan dengan berhemah agar tidak tersenarai sebagai orang mufliis di kemudian hari. Di akhir sesi beliau mengadakan kuiz ringkas dan para pelajar yang dapat menjawab soalan telah diberikan hadiah.

Natijahnya, dengan kepelbagaian aktiviti yang dirancang berdasarkan matlamat program akan memberi nilai tambah yang berguna kepada para pelajar untuk dipraktikkan dalam kehidupan mereka khususnya. Selain itu, ia juga memberi pendedahan kepada para pelajar sebagai penggerak masyarakat ke arah yang lebih positif di masa akan datang.



▲ Saudara Amir persembahkan 2 buah lagu dalam program kerohanian kepada para pelajar



◀ Penceramah jemputan saudara Aiman sedang berkongsi pengalaman hidupnya kepada para pelajar





# Transformasi Negara Mahasiswa

■ Nor Fadhilah Mohd, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 14 - 16 Ogos 2015, Pusat Pendidikan Tinggi dengan kerjasama pihak Biro Tatanegara telah menganjurkan Program Latihan Transformasi Negara Mahasiswa kepada pelajar semester 4 Diploma Pengurusan Koperasi. Seramai 120 orang pelajar menyertai program ini yang bertempat di Institut Kepimpinan iM4U, Meru Klang, Selangor.

Program ini diadakan sebagai salah satu usaha Pusat Pendidikan Tinggi melahirkan pelajar yang berdisiplin dari segi tingkah laku dan ketika menuntut ilmu. Antara aktiviti yang dilakukan adalah latihan dalam kumpulan, treasure hunt, survival, kawad kaki, tayangan video dan sebagainya. Melalui aktiviti ini ia dapat memupuk keyakinan diri, sikap bekerjasama, saling hormat-menghormati dalam kalangan pelajar. Selain itu, modul cintakan tanah air juga diserapkan dalam diri pelajar agar mereka menghargai kemerdekaan dan keamanan yang telah dicapai oleh negara kita.

Melalui aktiviti yang telah dijalankan ini, ia mampu membina nilai positif dalam diri mahasiswa MKM. Selain itu ia juga dapat melahirkan generasi mahasiswa yang mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi serta jati diri bangsa yang unggul.

Sesi taklimat yang disampaikan wakil Biro Tata Negara (BTN) >>







## Mahasiswa Bersama Alam Sekitar

■ Siti Hajar Saaey, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 5 September 2015, Kelab MKM TV persatuan di bawah Pusat Pendidikan Tinggi telah mengadakan satu program khidmat masyarakat “Mahasiswa Bersama Alam Sekitar” di Taman Botani Negara Shah Alam, Selangor. Seramai 31 orang pelajar Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian (bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi MKM-UUM telah menjayakan program khidmat masyarakat ini.

Tujuan program ini diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara krew dan memberi pendedahan tentang teknik-teknik fotografi kepada pelajar terlibat. Selain itu juga, ia bertujuan untuk mendedahkan kepada para pelajar tentang alam sekitar.

Program yang mengambil masa selama sehari ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Para pelajar telah ditempatkan di Laman Konservasi Herba dan Tumbuhan Ubatan. Antara aktiviti yang diadakan ialah lawatan ke muzium herba dan tumbuhan hutan, lawatan tapak semaian, penanaman pokok di sekitar Taman Botani, merentasi hutan dan juga latihan fotografi di sekitar kawasan Taman Botani. Di samping itu, para pelajar diperkenalkan dengan pelbagai jenis tumbuhan terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti penanaman pokok.

Program khidmat masyarakat ini turut melibatkan beberapa orang fasilitator yang terdiri daripada pekerja Taman Botani Negara Shah Alam. Para pelajar telah didedahkan dengan kaedah yang betul dalam penanaman pokok daripada 150 jenis tumbuhan seperti pokok pukul 10 pagi, periuk kera, pokok hanyir ikan dan sebagainya. Para pelajar melahirkan perasaan gembira dengan aktiviti yang dilakukan kerana mereka bukan sahaja mempelajari ilmu penanaman, malah ditekankan aspek penjagaan alam sekitar yang lain seperti kaedah kitar semula, kaedah pelupusan baja dan sebagainya. Malah mereka turut



▲ Para pelajar diberi penerangan terlebih dahulu berkenaan tumbuh-tumbuhan di sekitar Taman Botani

mempelajari kemahiran komunikasi dengan masyarakat awam dan alam sekitar. Di sebelah petang pula, para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi mempelajari kaedah dan etika fotografi yang betul. Setiap kumpulan ditempatkan di sekitar kawasan Taman Botani dan diberi tunjuk ajar oleh ketua kumpulan masing-masing. Selain itu juga, aspek etika turut ditekankan iaitu seorang jurugambar perlulah menjaga adab ketika mengambil gambar terutamanya gambar umum.

Secara keseluruhannya, program “Mahasiswa Bersama Alam Sekitar” ini dilihat mampu melatih dan membina sifat profesionalisme, kemahiran komunikasi serta bekerjasama dalam diri pelajar. Ia turut menyematkan nilai murni dan semangat sukarelawan dalam kalangan pelajar. Program ini dilihat mampu memberi pelbagai faedah bukan sahaja kepada para pelajar, tetapi juga kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.





# Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik

■ Nor Fadhilah Mohd, Pusat Pendidikan Tinggi

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik merupakan acara tahunan Pusat Pendidikan Tinggi bagi meraikan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Peniagaan (pengkhususan koperasi) dan Diploma Pengurusan Koperasi yang cemerlang dalam pelajaran pada semester sebelumnya. Seramai 64 orang telah menerima anugerah kecemerlangan akademik ini yang terdiri daripada pelajar diploma semester 4 dan 5, serta 6 orang daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda. Anugerah ini diberikan kepada pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred (PNG) melebihi 3.5 dan ke atas. Majlis ini berlangsung pada 11 September 2015 bertempat di Auditorium Flamingo yang telah disempurnakan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik). Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Pengarah-pengarah pusat, para pensyarah, warga kerja MKM serta para pelajar program jangka panjang.

Majlis dimulakan dengan penyampaian amanat oleh Pn.

Norwatim Hj. Abd Latiff. Beliau berharap para pelajar dapat meningkatkan daya saing secara sihat dalam menuntut ilmu serta membina keyakinan diri agar dapat dimanfaatkan pada masa akan datang. Para pelajar juga diingatkan tentang cabaran sebenar setelah tamat pengajian dan lambakan graduan pada masa kini. Beliau berharap para pelajar bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik tetapi harus menambah ilmu 'soft skill' agar mampu bersaing dengan graduan lain bagi membolehkan para pelajar mencapai impian masing-masing. Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil anugerah kecemerlangan akademik kepada pelajar.

Penyampaian sijil ini mampu membakar semangat para penerima anugerah serta para pelajar lain untuk terus menempa kejayaan dalam menuntut ilmu. Secara keseluruhannya, majlis ini diharap dapat memberi impak yang positif dalam diri pelajar agar menjadi modal insan yang cemerlang dalam akademik serta sahsiah diri.



# Tahniah Kepada Graduan


Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Keujian  
(Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi MKM-UUM di atas kejayaan di  
Majlis Konvokesyen ke-28  
24 – 28 Oktober 2015  
Dewan Mu'adzam Shah, Universiti Utara Malaysia



## Larian Friends of KPDNKK

24 Oktober 2015,  
Dataran Merdeka Kuala Lumpur





# International Co-operative Global Conference and General Assembly

9-11 November 2015,  
Antalya, Turki





# Khidmat Masyarakat MKM Bersama Komuniti Gugusan Talang Parlimen Kuala Pilah, 18 - 20 Disember 2015, Kuala Pilah







# Pelan Transformasi MKM

**T**ahun 2016 adalah wadah terbaharu bagi MKM untuk menyediakan program latihan jangka pendek yang berasaskan bidang keberhasilan selari dengan penglibatan koperasi dalam bidang tersebut. Ini untuk merealisasikan Pelan Transformasi MKM melalui fungsi teras MKM iaitu menyediakan latihan dan pendidikan kepada gerakan koperasi. Di samping itu kursus jangka pendek yang terdiri daripada kursus Wajib serta kursus Pengurusan dan Teknikal adalah dikekalkan.

Program latihan yang dicadangkan akan menjurus kepada dua (2) aspek iaitu:

- a) Memperkenalkan secara khusus program latihan jangka pendek yang berasaskan bidang keberhasilan terdiri daripada lima (5) sektor yang diputuskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menyokong Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011 - 2020 dalam mempertingkatkan sumbangan oleh gerakan koperasi kepada KDNK sebanyak RM50 bilion pada tahun 2020. Lima sektor ini adalah seperti berikut:
  - Kewangan dan Perbankan
  - Pelancongan, Kesihatan Dan Penjagaan Diri
  - Pemborongan dan Peruncitan
  - Hartanah dan Industri Pembinaan
  - Perladangan dan Asas Tani
- b) Pengkelan terhadap kursus-kursus Wajib (1,2,3 dan JAD) dan Pengurusan dan Teknikal mengikut disiplin kewangan, perakaunan, tadbir urus, pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi. Pengkelan terhadap kursus-kursus ini dianggap penting untuk memastikan 'stakeholders' dalam gerakan koperasi dapat diberi latihan asas dan lanjutan untuk memastikan tadbir urus baik (good governance) diamalkan oleh koperasi.

Di samping menjalankan kursus jangka pendek, MKM juga melaksanakan penyelidikan dan khidmat konsultasi. Pada tahun 2016, sebanyak 5 buah penyelidikan dan 50 buah khidmat konsultasi akan dilaksanakan di bawah Pusat Penyelidikan dan

Konsultasi. Kursus jangka pendek MKM pada tahun 2016 terdiri daripada:

- Kursus Bidang Keberhasilan (BK)
- Kursus Wajib
- Kursus Pengurusan dan Teknikal (P&T)
- Kursus Peringkat Sijil (tempatan dan antarabangsa)

## OBJEKTIF PROGRAM 2016

- Menyediakan latihan dan pendidikan berasaskan bidang keberhasilan berdasarkan Dasar Koperasi Negara.
- Untuk memastikan prinsip dan nilai koperasi dapat diterap dan diamalkan oleh koperasi dalam melaksanakan aktiviti ekonomi dan sosial. Dengan ini ia dapat menjamin kejangka pendekan koperasi berlandaskan kepentingan anggota.
- Koperasi sebagai sebuah entiti ekonomi dapat melaksanakan aktiviti perniagaan berasaskan penelitian dan penganalisaan yang dalam bagi menjamin kelangsungan (sustainability) dan berdaya maju (viability) dengan modal insan yang berkemahiran.

MKM berharap dengan kursus-kursus yang ditawarkan ini dapat menambahbaik kemahiran dan pengetahuan sekaligus meningkatkan modal insan koperasi ke tahap kompeten. Seterusnya akan melahirkan koperator profesional yang akhirnya akan menyumbang pembangunan sosio ekonomi anggota sekaligus meningkatkan KDNK Malaysia.



ANDA BERMINAT MENJADI KONSULTAN AKADEMIK KAMI?

**SIAPA YANG LAYAK  
KOPERASI  
SYARIKAT BERDAFTAR**

Mempromosi program-program Kolej iCOOP kepada  
lepasan SPM, anggota Koperasi dan golongan sasaran.

PROGRAM TERKINI

A-LEVEL

FOUNDATION IN ARTS

DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI

BTEC HND DALAM PERNIAGAAN

DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN

KURSUS PAKAR KEUSAHAWANAN ESTETIK TERAPI

KIMPALAN

**MENGAPA KOLEJ iCOOP ?**



**PENGINAPAN DI TAJA 1 TAHUN**  
bernilai RM 2,400



**PENAJAAN PENGGUNAAN IPAD**  
bernilai RM 1,000



**ELAUN SARA HIDUP DARI KOPERASI PELAJAR**  
(pinjaman tanpa faedah RM 1,000 seorang)

**PENAJAAN DARI PTPN, MKM, BANK RAKYAT,  
BANK PERSATUAN**



**PELUANG BEKERJA SAMBILAN DALAM KAMPUS  
DAN PELUANG BEKERJA DI 12,500 BUAH KOPERASI  
SELURUH MALAYSIA SELEPAS TAMAT BELAJAR**



**TIKET PENERBANGAN DIURUSKAN**  
(Satu tiket sehalua bagi yang telah mendaftar untuk  
sabah & sarawak ke Kuala Lumpur sahaja)

\*Tertakluk kepada terma dan syarat

**KELEBIHAN MENJADI KONSULTAN AKADEMIK KAMI**

- ✓ Dapat menambah pendapatan koperasi/syarikat.
- ✓ Pasaran pendidikan untuk lepasan SPM yang luas.
- ✓ Membantu anak-anak ahli koperasi dalam menyediakan kemudahan pinjaman/bantuan.
- ✓ Mendidik bakal generasi baru tentang kepentingan dan kelebihan Koperasi
- ✓ Berpeluang menambah anggota Koperasi yang baru.

INSTITUT PENGAJIAN TINGGI MILIK AGENSI KERAJAAN

[www.icoop.edu.my](http://www.icoop.edu.my)

HUBUNGI KAMI **011-2917 6552 | 03 7952 4535**



"KOLEJ i COOP"



PEARSON





INSTITUT PENGAJIAN TINGGI MILIK AGENSI KERAJAAN

PROGRAM TERKINI

**A-LEVEL**

**BTEC HND  
DALAM PERNIAGAAN**

**DIPLOMA PENGURUSAN  
KOPERASI**

**DIPLOMA PENGURUSAN  
PERNIAGAAN**

**KURSUS PAKAR KEUSAHAWANAN  
ESTETIK TERAPI**

**KIMPALAN**

**KURSUS BAHASA INGGERIS**

**CERTIFICATE IN ENTREPRENEURSHIP.**  
IN COLLABORATION WITH SEGI UNIVERSITY



## MENGAPA KOLEJ iCOOP ?



**PENGINAPAN DI TAJA 1 TAHUN**  
bernilai RM 2,400



**PENAJAAN PENGGUNAAN IPAD**  
bernilai RM 1,000



**ELAUN SARA HIDUP DARI KOPERASI PELAJAR**  
(pinjaman tanpa faedah RM 1,000 seorang)



**PENAJAAN DARI PTPN, MKM, BANK RAKYAT,  
BANK PERSATUAN**



**PELUANG BEKERJA SAMBILAN DALAM KAMPUS  
DAN PELUANG BEKERJA DI 12,500 BUAH KOPERASI  
SELURUH MALAYSIA SELEPAS TAMAT BELAJAR**

**TIKET PENERBANGAN DIURUSKAN**

(Satu tiket sehalah bagi yang telah mendaftar untuk  
sabah & sarawak ke Kuala Lumpur sahaja)

\*Tertakluk kepada terma dan syarat.



"KOLEJ i COOP"



## DAFTAR SEKARANG

Jom daftar! sms/whatsapp 'Daftar'  
hantar ke **011-2917 6552**

**PENDAFTARAN "ONLINE" :**  
[www.barracudacms.com/oa/mkmgh](http://www.barracudacms.com/oa/mkmgh)

[www.icoop.edu.my](http://www.icoop.edu.my)

# ALAMAT MKM



## **Ibu Pejabat, Maktab Koperasi Malaysia,**

103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tel:** 03 – 7964 9000

**Faks:** 03 – 7957 0434/03-7954 3957/ 03-7957 9076

**E-mel:** [mkm@mkm.edu.my](mailto:mkm@mkm.edu.my)

**Laman web:** <http://www.mkm.edu.my>

## **Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah,**

Tingkat 5, Menara MAA,  
Lorong 6, Api-Api 1,  
88000 Kota Kinabalu, Sabah.

**Tel:** 088-240812

**Faks:** 088-241802

**E-mel:** [mkmsabah@mkm.edu.my](mailto:mkmsabah@mkm.edu.my)

## **Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak,**

Bangunan Rugayah,  
Jalan Song Thian Cheok,  
Peti Surat B241,  
93100 Kuching,  
Sarawak.

**Tel:** 082-230409

**Faks:** 082-230405

**E-mel:** [mkmsarawak@mkm.edu.my](mailto:mkmsarawak@mkm.edu.my)

## **Maktab Koperasi Malaysia Zon Timur,**

Kompleks Inkubator,  
Indera Mahkota 14, Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

**Tel:** 09-2506529

**Faks:** 09-2506530

**E-mel:** [mkmctimur@mkm.edu.my](mailto:mkmctimur@mkm.edu.my)

## **Maktab Koperasi Malaysia Zon Utara,**

No. 1515, Wisma KGMKB, Jalan Tunku Ibrahim,  
05000 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman.

**Tel:** 04-7337527

**Faks:** 04-7337532

**E-mel:** [mkmcutara@mkm.edu.my](mailto:mkmcutara@mkm.edu.my)

## **Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan,**

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama, Jalan Dhoby,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.

**Tel:** 07-2262119

**Faks:** 07-2262125

**E-mel:** [mkmcselatan@mkm.edu.my](mailto:mkmcselatan@mkm.edu.my)

## **Maktab Koperasi Malaysia Zon Tengah,**

103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tel:** 03-79649000

**Faks:** 03-79570434/03-79543957/03-79579076

**E-mel:** [tengah@mkm.edu.my](mailto:tengah@mkm.edu.my)

## **Kolej iCOOP**

No. 21, Jalan Selangor, Seksyen 6,  
46050 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tel:** 03-7952 4535/4515/4507

**Faks:** 03-7955 0863

**E-mel:** [info.mkmgh.edu@gmail.com](mailto:info.mkmgh.edu@gmail.com)